

## Bab Ketiga

### **MAJALAH GURU: LATAR BELAKANG DAN ISI KANDUNGAN**

#### **1. PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan mengenai sejarah kemuculan Persekutuan Guru-guru Melayu sehingga membawa kepada penerbitan *Majalah Guru*. Umum mengetahui bahawa, *Majalah Guru* ini muncul hasil daripada gabungan Kesatuan Guru-guru Selangor, Melaka, dan Negeri Sembilan pada permulaannya, akan tetapi pada Ogos 1925, Pulau Pinang telah tersenarai sebagai Persekutuan Guru yang terlibat dalam *Majalah Guru*. Perihal ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada subtopik dalam bab ini.

Bab ini amat penting untuk dikaji bagi melihat perjalanan dan memperkenalkan kepada masyarakat mengenai *Majalah Guru* yang merupakan wadah kepada persekutuan guru-guru untuk mengeluarkan buah fikiran, teguran, nasihat-nasihat untuk memperjuangkan nasib bangsa Melayu pada ketika itu.

Untuk memudahkan lagi lakaran perkembangan *Majalah Guru* dan penulisan sejarah, maka bab ini akan dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu bermula daripada kemunculan Persekutuan Guru-guru Melayu secara ringkas sehingga terbitnya *Majalah Guru*. Bahagian kedua, berkaitan *Bahagian Tawārikh* yang menjadi fokus dalam *Majalah Guru*. Melihat kepada *Majalah Guru* yang berorientasikan pendidikan, maka dibincangkan juga mengenai kepentingan sejarah dalam pendidikan secara ringkas dan juga tentang *Majalah Guru* dan kesedaran sejarahnya.

## 2. LATAR BELAKANG MAJALAH GURU

Rentetan daripada wujudnya latihan perguruan sehingga tertubuhnya Persekutuan Guru-guru Melayu inilah yang menjadi punca kepada terbitnya sebuah majalah yang diberi nama *Majalah Guru*. Hasil daripada idea persekutuan guru ini maka wujudlah majalah antara yang paling lama bertahan.

Oleh yang demikian, penulis akan menjelaskan bagaimana *Majalah Guru* ini diterbitkan bermula daripada wujudnya latihan perguruan sehingga kepada majalah-majalah lain yang diterbitkan oleh persekutuan guru-guru Melayu ini.

### 2.1 Persekutuan Guru-guru Melayu dan Pendirian *Majalah Guru*

Ratusan rencana tulisan Za'ba<sup>1</sup> menyentuh pelbagai aspek kemiskinan orang Melayu, termasuk pendidikan, turut memenuhi lembaran akhbar dan majalah dewasa itu. Hal ini menjadikan nama Za'ba terkenal dan beliau terlibat secara aktif dalam mengerakkan guru-guru Melayu supaya bersatu untuk membela pendidikan Melayu. Beliau mendapat bantuan sahabatnya di Pulau Pinang, Muhammad Zain bin Ayob<sup>2</sup>, yang juga berpendidikan Inggeris, yang pada ketika itu menjadi nazir sekolah-sekolah Melayu untuk menubuhkan Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang (1921).

---

<sup>1</sup> Zainal Abidin bin Ahmad merupakan seorang pendeta, Tan Sri, karyawan Melayu yang banyak berjasa kepada pembangunan bangsa Melayu. Za'ba memasuki peperiksaan untuk mejadi seorang guru di Maktab Melayu Kuala Kangsar (Oktober 1918-April 1923) dan pada peringkat inilah Za'ba telah lulus peperiksaan perguruan, dan menjadi penterjemah di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada April 1924-September 1939. Beliau juga menjadi penggerak kepada Persekutuan Guru-guru Melayu sehingga *Majalah Guru* diterbitkan. Disini penulis hanya menerangkan serba ringkas mengenai Za'ba kerana subjek kajian penulis ialah penulisan sejarah didalam *Majalah Guru*. Kisah mengenai Za'ba ni banyak terdapat didalam buku-buku, majalah, kertas kerja seminar dan tesis. Lihat Awang Had Salleh, "Za'ba". *Dewan Budaya*, November 1991, 209, lihat juga Zainal Abidin Bin Ahmad, "Kewajipan Terjemah-menterjemah", *Guru*, Januari 1932, 26-30, juga Abdullah Zakaria Ghazali, "Pembinaan Citra Za'ba: Muhammad Bin Dato' Muda kepada Zainal Abidin Bin Ahmad" (Kertas Kerja Seminar Memperingati 100 Tahun Za'ba di Kuala Lumpur, 19-20 Oktober 1995), dan lihat juga Adnan Haji Mohd. Nawang, "Zainal Abidin Bin Ahmad (Za'ba)" (Kertas Kerja Seminar Biografi Malaysia di Kuala Lumpur, 1986).

<sup>2</sup> Beliau menyambung pendidikan di Maktab Perguruan Melaka mulai tahun 1909 sehingga tahun 1911. Beliau telah mengasaskan Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang sehingga terbitnya majalah *Panduan Guru*, lihat Aminah Mohammad Nor, "Kebangkitan dan Perjuangan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Prai 1920-1950" (Kertas Projek, Universiti Sains Malaysia, 1978), 15 dan juga "Peredaran Masa", *Panduan Guru*, Oktober 1923.1.

Pada tahun berikutnya, beliau menjadi penggerak kepada penubuhan persatuan guru-guru Melayu di Selangor melalui adiknya Muhammad Yusof Ahmad<sup>3</sup> yang berkelulusan Maktab Latihan Guru Melayu Melaka. Negeri Sembilan pula, tertubuhnya persatuan guru-guru Melayu hasil daripada usaha Muhammad Dato' Muda Linggi<sup>4</sup> yang berkelulusan Maktab Latihan Guru Melayu Melaka, iaitu bapa saudara kepada Za'ba. Akhirnya, tertubuh pula persatuan yang sama di Melaka hasil daripada usaha guru-guru Melayu Melaka serta galakan daripada mereka.

Kesemua persekutuan guru ini bergabung dan berusaha menerbitkan sebuah majalah, iaitu *Majalah Guru* pada November 1924. *Majalah Guru* menjadi 'organ' penting kepada suara dan perjuangan guru Melayu. Penulis akan membincangkan lebih lanjut kemunculan Persekutuan Guru-guru Melayu sehingga munculnya *Majalah Guru* ini pada subtopik yang seterusnya.

*"Tiada ikhtiar yang nampak hendak meluaskan pelajaran anak-anak dan orang-orang negeri kita melainkan dengan jalan bersatu dan bersekutu. Maka jalan hendak bersatu dan bersekutu itu tiada terlebih baik daripada diadakan persekutuan yang luas dan lebar kawasannya dan dijadikan tujuannya hendak menjalankan sebarang ikhtiar-ikhtiar yang boleh memajukan dan meluaskan pelajaran iaitu tambahan daripada ikhtiar-ikhtiar yang telah sedia dijalankan dan akan lagi diadakan oleh pihak kerajaan."*<sup>5</sup>

Dekad 20an telah memperlihatkan pertumbuhan akhbar dan majalah di Tanah Melayu. Berbagai jenis majalah dan akhbar telah diterbitkan di sekitar kawasan atau negeri

---

<sup>3</sup> Merupakan adik kepada Za'ba, nama beliau kalau dilihat adalah sama dengan Tok Kenali. Memasuki Maktab Perguruan Melaka pada tahun 1914-1916. Peranan beliau dalam *Majalah Guru* dapat dilihat dalam sumbangan buah penanya dengan menggunakan nama samaran iaitu Anaknegeri, Melor dan MY, lihat Noor Suhana binti Zamhuri, "Profil Muhamad Yusof Ahmad : Fokus Perjuangannya Menerusi *Majalah Guru*", (Kertas Projek, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1986),9 dan juga Noor Suhana Zamhuri (1990), *Muhammad Yusof Ahmad: Pandangannya Terhadap Masalah Orang Melayu dalam Negeri Sembilan Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur : Persatuan Muzium Malaysia,165.

<sup>4</sup> Beliau merupakan pengarang dan pengurus kepada *Majalah Guru* sejak mula-mula diterbitkan iaitu pada November 1924 sehingga akhir bulan Mei 1932. Lihat Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991),65-66, dan lihat juga *Majalah Guru*, Julai 1933, hlm. 265-266 dan Ogos 1934, 283-284.

<sup>5</sup> Za'ba, "Persekutuan kerana Pelajaran", *Majalah Guru*, Mac 1932,46.

di Tanah Melayu. J.M.Gullick<sup>6</sup> berpendapat, dalam mengkaji sejarah perkembangan masyarakat Melayu, pengkaji dapat melihat dan meneliti bahawa menjelang tahun 1920an satu zaman baru telah bermula.<sup>7</sup>

Gullick mengambil contoh pada tempoh tersebut rata-rata orang Melayu telah sedar tentang kepentingan memberi pendidikan kepada anak-anak mereka dan kemajuan ini harus diperluaskan ke seluruh Tanah Melayu pada ketika itu.<sup>8</sup> Menurut Hamed Mohd Adnan pula, tahun 1920an menyaksikan suatu fenomena baru dalam perkembangan pesat dunia permajalahan Melayu. Beberapa buah pertubuhan mula bergerak untuk menyebarkan falsafah dan matlamat organisasi masing-masing menerusi penerbitan.<sup>9</sup>

**Jadual 3.1: Senarai Pertubuhan dan Penerbitan Pada Tahun 1920an**

TAHUN	ORGANISASI	PENERBITAN
1920	Persekutuan Keharapan Belia Johor Bharu	Peluang
1920	Persekutuan Perbahasan Orang Islam Muar	Lidah Teruna
1922	Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang	Panduan Guru
1923	Kolej Melayu Kuala Kangsar	Semaian
1923	Maktab Perguruan Sultan Idris	Chenderamata
<b>1924</b>	<b>Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan</b>	<b>Majalah Guru</b>
1925	Persekutuan Kemajuan Pengetahuan Kuala Lumpur	Tetuan Muda
1926	Persekutuan Guru-guru Islam Muar	Lembaran Guru
1927	Persekutuan New Club Pasir Putih	Terok <sup>10</sup>

Sumber: *Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran*

<sup>6</sup> Beliau banyak menulis buku mengenai sejarah masyarakat Melayu. Antara buku beliau yang popular ialah *History From Selangor Journal 1892-1897, A History of Kuala Lumpur 1857-1939, A History of Negri Sembilan* dan banyak lagi buku hasil penulisan beliau yang terdapat di pasaran.

<sup>7</sup> J.M.Gullick, *Malay Society in the Late Nineteenth Century : The Beginnings of Change*, (Singapore:Oxford University Press,1987),1.

<sup>8</sup> *Ibid.*, 4

<sup>9</sup> Hamed Mohd Adnan *Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran*, (Shah Alam:Karisma Publications Sdn Bhd, 2003), 12.

<sup>10</sup> Drs A.M.Iskandar menulis dengan ejaan "Taruk" lihat Drs. A.M.Iskandar, *Persuratkhabaran Melayu (1876-1968)*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973)19.

Daripada kesemua majalah yang muncul pada tahun 1920an, hanya *Majalah Guru* sahaja yang dapat bertahan lebih lama. Majalah yang lain tidak mampu bertahan lebih lama kerana kebanyakan keluaran majalahnya hanya diedarkan di kalangan anggotanya dan jumlahnya terlalu sedikit untuk pengeluaran majalah itu terus bertahan.<sup>11</sup> Bagi pendapat penulis ianya lebih kepada suara persekutuan kepada persekutuan sahaja.

Pada bulan November 1924, satu persatuan guru-guru telah ditubuhkan. Bersama-sama itu juga lahirlah sebuah majalah bulanan yang bukan sahaja menjadi suara persatuan itu malah sebagai alat perhubungan di antara guru-guru Melayu yang diberi nama *Majalah Guru*. Munculnya majalah ini pada ketika orang-orang Melayu mempunyai kesedaran tentang pentingnya ilmu pengetahuan dan sejarah.<sup>12</sup>

Rentetan daripada itu, penulis akan membincangkan mengenai Latihan Perguruan sehingga tertubuhnya Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) dimana daripada pusat Latihan Perguruan inilah maka Persekutuan Guru-guru Melayu ditubuhkan sehingga munculnya *Majalah Guru*.

## **2.2 Guru dan Masyarakat Melayu**

Perkembangan ilmu pengetahuan yang berlaku di dalam majalah dan akhbar, ditambah pula oleh kesedaran diatas kekurangan yang terdapat dalam bidang pelajaran bagi orang-orang Melayu, memberi inspirasi kepada guru-guru Melayu untuk menubuhkan persatuan dan majalahnya sendiri.

---

<sup>11</sup> Zainal Abidin Bin Ahmad ataupun dikenali sebagai Za'ba juga telah menyebut berkenaan perkara ini dalam rencana *Majalah Guru* bahagian pembukaan sempena penerbitan majalah tersebut untuk tahun yang ke-3. Lihat Zainal Abidin bin Ahmad "Bahagian Rencana Pembukaan". *Majalah Guru*, Januari 1 1926, 3 dan lihat juga Hamed Mohd Adnan *Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran*, (Shah Alam:Karisma Publications Sdn Bhd, 2003),12.

<sup>12</sup> Muhammad Janan Ahmad "Peranan Majallah Guru dlam Perkembangan Sastera Sa-below Peperangan Dunia II" (Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966), 20.

Ramai sejarawan telah menulis mengenai sejarah perkembangan beberapa buah maktab Melayu di negara ini.<sup>13</sup> Sebelum tanah air kita merdeka, untuk memperkembangkan lagi pendidikan dan bagi menampung kekurangan guru terlatih yang mengajar di sekolah Melayu, pihak British telah mendirikan maktab-maktab latihan perguruan untuk melatih guru-guru bagi sekolah-sekolah di seluruh Semenanjung Tanah Melayu .<sup>14</sup>

Maktab Guru Melayu yang pertama telah dibina di Singapura pada tahun 1878.<sup>15</sup> Pada awal pembukaannya, terdapat 10 orang sahaja penuntut yang diambil untuk mengikuti kursus tersebut. Kebanyakan pelajar yang diambil masuk ke maktab ini adalah daripada sekolah-sekolah Melayu dari NNS yang telah tamat darjah lima. Had umur yang ditetapkan untuk memasuki maktab ini ialah kurang daripada 18 tahun dan dikehendaki menandatangani suatu perjanjian untuk berkhidmat sebagai guru di sekolah-sekolah kerajaan selama 5 tahun.<sup>16</sup> Mereka akan menerima elaun sebanyak \$5.00 sebulan termasuk biasiswa yang diberikan oleh Kerajaan.

Mata pelajaran yang diajar di Maktab Melayu Singapura ini ialah ilmu kira-kira, rumi, ilmu alam, peraturan-peraturan sekolah dan karangan. Walaubagaimanapun, gaji guru-guru Melayu yang sangat rendah menyebabkan ramai guru-guru berhenti bekerja.

---

<sup>13</sup> Contohnya penulisan, Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1920-1922*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), Aida Yusop, "Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka 1935-1933" (Kertas Projek, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993), Hasnah Husiin *Guru-guru Melayu, Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 14.

<sup>14</sup> Perkembangan pendidikan sekular bermula di Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1821 bersama-sama dengan tujuan pergerakan dakwah kristian. Lihat Hashim Ismail, *Hermeneutik: Reaksi Reformasi Kaum Muda*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010) dan Hasnah Husiin, *Guru-guru Melayu, Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 14.

<sup>15</sup> Dalam Kertas Projek Muhammad Janan Ahmad, beliau menulis Maktab Melayu Singapura dibuka pada tahun 1874, lihat Muhammad Janan Ahmad, "Peranan Majallah Guru dalam Perkembangan Sastera Sa-belum Peperangan Dunia II" (Kertas Projek, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966), 16. Menurut Report of the Committee On Malay Education, Federation of Malaya menyatakan bahawa Maktab Guru Melayu Singapura ditubuhkan pada tahun 1878 dan ini dipersetujui oleh Hasnah Husiin dalam penerbitan bukunya. Lihat *Report of the Committee On Malay Education*, (Government Press, 1951) 148 dan Hasnah Husiin, *Guru-guru Melayu, Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 14, Hashim Ismail pula menyatakan bahawa Kolej Perguruan ditubuhkan di Teluk Belanga, Singapura pada tahun 1879 dan ditutup pada tahun 1895 kerana masalah kewangan, lihat Hashim Ismail (2010), *Hermeneutik: Reaksi Reformasi Kaum Muda*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010), 263

<sup>16</sup> Mansur Sanusi, *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*, (Pulau Pinang: Sinaran Brothers, 1955), 57 dan lihat juga Malay Education : Its History and Present Position in *Report of the Committee On Malay Education*, Government Press, 1.

Pada masa itu, di Singapura misalnya tidak ada seorang guru pun yang bekerja lebih dari lima tahun. Sungguhpun begitu, Maktab Melayu Singapura dalam tempoh 17 tahun perkhidmatannya, ia telah berjaya mengeluarkan kumpulan guru-guru Melayu yang terlatih dan seterusnya berjaya menjadi pemangkin kepada usaha memajukan masyarakat Melayu untuk tahun-tahun seterusnya.<sup>17</sup>

Pada bulan Mei 1898 pula, Maktab Perguruan Taiping telah dibuka bagi memenuhi kekurangan guru terlatih yang terdapat pada Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Penubuhan maktab ini adalah atas saranan seorang nazir sekolah Persekutuan yang mengatakan bahawa tujuan maktab ini ditubuhkan adalah untuk dijadikan sebagai sekolah persediaan perguruan untuk guru lelaki (Melayu) sahaja.<sup>18</sup>

Maktab Perguruan Melayu Melaka telah ditubuhkan pada 1 Mac 1990 oleh R.J.Wilkinson<sup>19</sup> ekoran daripada rasa tidak puas hati beliau terhadap sistem pendidikan Melayu sebelum ini. Penubuhan maktab ini juga berfungsi sebagai tapak untuk mendidik guru-guru Melayu yang akan menjadi pemangkin kepada kemajuan orang Melayu seluruhnya.<sup>20</sup>

Kursus yang ditawarkan di Maktab Perguruan Melayu Melaka ialah, Bahasa Melayu, senaman, ilmu kira-kira, ilmu alam, tulisan dan anyaman. Kursus yang ditawarkan

---

<sup>17</sup> Mansur Sanusi (1955), *Ibid.*, 58-59 dan Report of the Committee On Malay Education, *ibid.*, 2.

<sup>18</sup> Awang Had Salleh (1980), *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), 31-34.

<sup>19</sup> Richard James Wilkinson merupakan Nazir Sekolah Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1903. Beliau berkebolehan berbahasa Melayu dan Hokkien. Beliau merupakan pegawai British yang banyak menghasilkan karya berkenaan dengan bahasa dan masyarakat Melayu seperti kesusasteraan, sejarah dan kebudayaan. Antara karya beliau yang terkenal seperti *An Abridge Malay-English Dictionary* (Romanaised) (1908), Kuala Lumpur: Government Press dan diterbitkan dalam 8 edisi, *A History of the Peninsular Malaya With Chapters On Perak and Selangor* (1975), New York: AMS Press, *Kamus Jawi-Melayu-Inggeris* (1985), Penerbit Baharudin Joha, *Malay Belief* (1906), London dan banyak lagi. Lihat R.J.Wilkinson, *Papers On Malay Subjects*, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971).

<sup>20</sup> Mansur Sanusi, *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*, (Pulau Pinang, 1955) 61.

adalah selama 2 tahun sahaja. R.J.Wilkinson, telah menjadikan kesusasteraan sebagai mata pelajaran yang penting di maktab tersebut.<sup>21</sup>

Sumbangan terpenting maktab ini ialah dapat membekalkan guru-guru terlatih untuk sekolah Melayu, terutamanya Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Sebahagian daripada pelajarinya telah menjadi pengajar di Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI).<sup>22</sup> Maktab ini ditutup pada akhir bulan Disember 1900 disebabkan penyakit beri-beri yang menyerang penuntutnya. Namun, pada tahun 1901, maktab ini dibuka semula.

Masalah yang dihadapi oleh setiap maktab tidak terkecuali Maktab Perguruan Melayu Melaka ini ialah tidak dapat menarik lebih ramai orang Melayu untuk menjadi guru dan maktab-maktab ini juga tidak dapat mengeluarkan guru-guru sepenuhnya mengikut kehendak sekolah-sekolah Melayu yang sedang berkembang di seluruh Tanah Melayu. Oleh itu pada tahun 1913 Maktab Perguruan Matang, Perak telah dibuka dan dikhususkan untuk penuntut dari Negeri Perak sahaja.<sup>23</sup>

Maktab Perguruan Matang, menawarkan mata pelajaran Bahasa Melayu, perkebunan, lukisan, ilmu kira-kira, bacaan, tulisan dan pengetahuan am. Maktab ini ditutup pada 26 Oktober 1922 kerana disatukan dengan penubuhan maktab yang baru iaitu MPSI.<sup>24</sup>

---

<sup>21</sup> Minat beliau yang mendalam terhadap bidang kesusasteraan menyebabkan banyak hasil kesusasteraan Melayu Klasik disalin semula dalam bentuk buku memandangkan sebelum ini banyak cerita klasik Melayu yang diceritakan dari satu generasi ke satu generasi melalui lisan sahaja.

<sup>22</sup> Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1920-1922*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 70-90.

<sup>23</sup> Malay Education : Its History and Present Position in *Report of the Committee On Malay Education*, Government Press, hlm. 1 dan juga Mansur Sanusi, *Sejarah Perkembangan Pelajaran Melayu*, (Pulau Pinang: Sinaran Brothers, 1955), 61-62.

<sup>24</sup> Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), 43-47.



Maktab Perguruan Sultan Idris telah dibuka pada tahun 1922. Ianya adalah rentetan daripada laporan R.O.Winstedt pada 1916 semasa beliau melawat negara Indonesia dan Filipina dan beliau mencadangkan penubuhan Pusat Latihan Perguruan untuk guru Melayu (Training College for Malay Teachers) di Tanjung Malim, Perak.<sup>25</sup> Maktab yang terletak di Tanjung Malim ini merupakan gabungan beberapa buah maktab, iaitu Maktab Melayu Matang dan Maktab Melayu Melaka. Oleh itu, MPSI dikenali juga sebagai Maktab Pusat.

Awang Had Salleh secara terperinci menulis tentang penubuhan MPSI dan menyatakan bahawa:

*"Institut Pendidikan Sultan Idris yang matlamat asalnya ialah untuk mengeluarkan guru bagi menyampaikan pelajaran kepada anak-anak petani dan nelayan sekadar cukup untuk membiarkan mereka tetap dalam penghidupan mereka sebagai petani dan nelayan akhirnya menjadi pengerak dalam mengubah nasib bangsa daripada satu bangsa yang terjatuh kepada bangsa yang merdeka mengubah taraf bahasa mereka daripada bahasa rendah kepada bahasa ilmu yang tinggi serta Bahasa Kebangsaan Negara"*<sup>26</sup>

Daripada kenyataan Awang Had Salleh ini, penulis melihat bahawa beliau seorang yang menyokong dan menghargai guru-guru yang lahir daripada MPSI ini sehinggakan dapat mengubah mentaliti bangsa Melayu itu sendiri. Apa yang membezakan maktab ini dengan maktab-maktab lain ialah pelajar-pelajar yang diambil masuk ke maktab ini terdiri daripada sekolah-sekolah Melayu di kampung-kampung melalui satu peperiksaan menguji kepandaian dan kebanyakan pelajar tersebut terdiri daripada anak petani dan nelayan.<sup>27</sup>

---

<sup>25</sup> Malay Education : Its History and Present Position in *Report of the Committee On Malay Education*, Government Press, 2.

<sup>26</sup> Awang Had Salleh "Institut Pendidikan Sultan Idris". *Dewan Budaya*, November 1991, 217-218.

<sup>27</sup> *Peraturan-peraturan bagi Pelajaran Sekolah-sekolah Melayu di dalam Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu bagi Tahun 1936*, dalam. SP/94/B/45, Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta Kuala Lumpur

Penubuhan MPSI pada tahun 1922 telah melahirkan ramai calon guru-guru Melayu yang datang dari seluruh pelusuk tanah air. Penubuhan MPSI ini adalah mengharapkan satu sejarah penting dalam arena perguruan dan pendidikan di tanah air kita. Ini telah mendedahkan dan membawa guru-guru Melayu kepada berbagai kesedaran dan ilmu pengetahuan baru.<sup>28</sup>

Pada tahun 1920an, MPSI menerima kira-kira 120 orang penuntut baru setahun dari seluruh semenanjung<sup>29</sup> yang dipilih daripada peperiksaan khas yang dibuat oleh kerajaan negeri masing-masing. Mata pelajaran yang diterapkan di maktab ini ialah ilmu hisab (matematik), ilmu alam (geografi), sains, kesihatan, bertukang, berkebun, manakala pelajaran yang paling penting disini ialah sejarah dan kesusasteraan Melayu.

Sesungguhnya penubuhan MPSI pada tahun 1922 telah menjadi 'asas' kepada perjuangan guru-guru Melayu untuk memajukan orang Melayu. Orientasi pembelajaran di MPSI ini telah melahirkan guru-guru terlatih yang bukan sahaja menjadi pendidik kepada anak bangsanya malah menjadi pemangkin semangat dalam menaikkan martabat orang Melayu agar maju dan setanding dengan bangsa asing yang lain sekaligus juga menerapkan tentang Islam di dalam dada orang-orang Melayu yang pada ketika itu pengetahuan Islam mereka adalah sedikit.<sup>30</sup> Berikut ialah rentetan pusat latihan guru yang ditubuhkan di Tanah Melayu secara ringkasnya:

---

<sup>28</sup> Mohd Said Bin Razi, "Peranan Guru dalam Bidang Kebudayaan" (Kertas Kerja Seminar Kenang Bakti Guru-guru Melayu Selangor, Shah Alam Februari 1993), 3.

<sup>29</sup> Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), Negeri-negeri Melayu Tak Bersekutu (NNMTB), dan Negeri-negeri Selat (NNS) lihat Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 79-110.

<sup>30</sup> Abdul Aziz Mat Ton "Guru-guru Melayu dalam Politik Melaka hingga 1955", *Jurnal Sejarah*, (Universiti Malaya, No.2, 1993), 81. Menurut Abdul Aziz Mat Ton juga seseorang yang telah mempunyai pengetahuan yang baik dalam kebudayaan asing selain daripada pengetahuan dalam kebudayaan masyarakatnya sendiri dikenali sebagai konsep "*Marginal Man*"

**Jadual 3.2: Senarai Pusat Latihan Guru Mengikut Tahun penubuhannya**

<b>Tahun</b>	<b>Nama Pusat Latihan Guru</b>
1878	Maktab Melayu Singapura
1898	Maktab Perguruan Taiping
1900	Maktab Perguruan Melayu Melaka
1913	Maktab Perguruan Matang Perak
1913	Maktab Perguruan Melayu Johor Bahru
1922	Maktab Perguruan Sultan Idris
1929	Maktab Perguruan Kota Bharu
1935	Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka

Sumber: *Guru-guru Melayu Peranan dan Perjuangan Pasa Zaman Penjajahan*

Penerbitan majalah *Panduan Guru* dan *Majalah Guru* merupakan satu pencapaian yang besar bagi guru-guru Melayu pada waktu itu. Hal ini adalah kerana segala perjuangan memajukan masyarakat Melayu disalurkan melalui majalah-majalah tersebut. Institusi Maktab Perguruan Melayu ini telah berjaya melahirkan golongan intelektual Melayu yang berjasa kepada bangsa Melayu itu sendiri. Walaupun mereka ini lahir daripada maktab yang berbeza, namun situasi itu tidak menjadi penghalang kepada usaha memajukan bangsa.

Pada tahun 1920an, persoalan mengenai kemunduran orang Melayu telah mendapat perhatian oleh satu golongan baru dalam masyarakat, iaitu golongan intelektual Melayu yang terdiri daripada kalangan yang berpendidikan Melayu, Inggeris dan agama.

Kemunculan golongan intelektual dan cerdik pandai Melayu pada masa itu dikaitkan dengan perkembangan pendidikan, khususnya pada awal abad ke-20.<sup>31</sup>

Pada masa itu, telah dibina beberapa buah sekolah dan yang lebih bermakna lagi ialah pembinaan maktab-maktab perguruan. Keadaan tersebut telah melahirkan beberapa orang intelektual Melayu, walaupun tidak ramai tetapi golongan ini telah berperanan sebagai pekebun yang menyemai benih untuk kemajuan masyarakat Melayu. Menurut Shamsul Amri Baharudin dalam tulisannya "Kepimpinan Melayu Jenis, Pola dan Peranan" telah merakamkan sumbangan para guru sebagai bukti:

*"Golongan ini merupakan yang paling dihormati dan disanjung oleh penduduk desa sebagai golongan yang 'celik' atau yang serba tahu. Dalam banyak situasi mereka merupakan tempat orang desa meminta pertolongan seperti menuli surat, menguruskan hal ehwal anak-anak mereka atupun meminta nasihat"*<sup>32</sup>

*"Mereka telah memberikan banyak sumbangan dalam melahirkan pertumbuhan kesedaran dan kemajuan di kalangan orang Melayu. Malah golongan intelektual inilah yang telah merintis jalan kearah memartabatkan kedudukan orang Melayu dan sekali gus berperanan dalam menyebarkan idea-idea kemajuan untuk masyarakat Melayu khususnya pada tahun-tahun 1920an. Pada tahun 1920an kepincangan masyarakat Melayu dibangkitkan dengan suara yang lebih lantang dan suatu golongan yang mengambil berat tentang soal itu ialah guru-guru Melayu."*<sup>33</sup>

Suatu hal yang tidak dapat dinafikan juga bahawa cetusan perubahan dalam nilai dan kesedaran satu-satu bangsa adalah dengan perkembangan pendidikan dan pengetahuan dikalangan bangsa itu sendiri. Demikianlah apa yang berlaku kepada orang Melayu. Titik tolak kepada perubahan ini apabila wujudnya pusat-pusat pengajian dan sekolah yang

---

<sup>31</sup> Untuk melihat sepintas lalu tentang sejarah perkembangan pendidikan pada tahap ini sila lihat Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Fajar Bakti,1980) dan juga Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism: Educational Policy in Malaya, 1874-1940*, (Kuala Lumpur:Oxford University Press, 1975).

<sup>32</sup> Shamsul Amri Baharudin, *Kepimpinan Melayu Jenis, Pola dan Peranan*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005),25.

<sup>33</sup> Khoo Kay Kim, "Tahun-tahun 1920an dalam Sejarah Malaysia", (*Jurnal Sejarah*, Jil. IX, 1970/71),8.

ditubuhkan untuk memberi peluang kepada orang-orang Melayu meninggikan ilmu pengetahuan mereka melalui bidang pelajaran.<sup>34</sup>

Masyarakat menaruh kepercayaan dan harapan yang tinggi agar guru menunjukkan contoh teladan yang baik kepada generasi yang akan datang. Tugas guru tidak tamat sebaik sahaja loceng terakhir dibunyikan. Di sekolah mereka menjadi guru, selepas waktu sekolah mereka menjadi milik masyarakat. Golongan ini bertindak sebagai penyampai ilmu, penyebar maklumat, pakar rujuk dalam bidang tertentu, dan juga sebagai pemimpin masyarakat di kampung-kampung. Peranan guru ini dilihat oleh Abdullah Sanusi bin Ahmad sebagai:

*"Kita berkehendakkan guru-guru yang mahu, berpengalaman dan yang lebih dedikasi kepada kerjaya supaya dia dapat mengesan pembangunan masyarakat dimana dia bertugas. Sebagai cerdik pandai di desa dan di mana dia bertugas, mereka adalah menjadi penggerak bagi pembangunan masyarakat. Mereka bukan sahaja memberi pengetahuan dan membimbing murid di satu-satu desa itu tetapi juga terpaksa memberi bimbingan dan tunjuk ajar pada masyarakat di sekitarnya."<sup>35</sup>*

Kemunculan guru-guru Melayu dalam arena permasalahan orang-orang Melayu memberi kesan yang amat besar terhadap perkembangan pemikiran dan kemajuan orang Melayu. Pada abad le-19, guru-guru Melayu dianggap golongan cerdik pandai dan menjadi ikutan dan contoh masyarakat sekelilingnya. Pandangan dan nasihat mereka sentiasa diminta dan dijadikan pegangan oleh masyarakat. Kehadiran guru-guru dalam masyarakat yang serba kekurangan serta sikap mereka yang suka bergaul menyebabkan mereka menjadi perhatian dan contoh teladan kepada masyarakat Melayu.<sup>36</sup>

---

<sup>34</sup> Mohd Said bin Razi, "Peranan Guru dalam Bidang Kebudayaan" (Kertas Kerja Seminar Kenag Bakti Guru-guru Melayu Selangor di Shah Alam, Februari 1993),3.

<sup>35</sup> Abdullah Sanusi Ahmad, "Guru dalam Pembangunan Negara" *Dewan Masyarakat*, Ogos 1973.

<sup>36</sup> Hasnah Husiin, *Guru-guru Melayu Peranan dan Perjuangan Pasa Zaman Penjajahan*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka,2009),35.

Sekolah-sekolah Melayu telah lama ditubuhkan, akan tetapi belum ada persatuan yang ditubuhkan bagi menyatukan guru-guru Melayu dari seluruh semenanjung untuk bergabung bagi membincangkan isu kemajuan orang Melayu. Oleh itu, sebagai permulaan Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Prai telah ditubuhkan (PGMPPS) pada tahun 1920. Pada peringkat awalnya, penubuhan persatuan ini adalah atas daya usaha Muhammad Zain bin Haji Ayub yang merupakan Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu Pulau Pinang pada ketika itu.<sup>37</sup>

Beliau menyedari bahawa usaha untuk memajukan bangsa Melayu hanya dapat diatasi dengan kerjasama dalam kalangan guru-guru yang terpisah diantara satu sama lain. Guru-guru Melayu Pulau Pinang pada ketika itu hanya dapat berjumpa sebulan sekali, iaitu semasa guru-guru ini mengambil gaji mereka di Sekolah Chowrasta.<sup>38</sup> Walau bagaimanapun, biasanya setiap sekolah hanya menghantar seorang wakil sahaja untuk mengambil gaji mereka.<sup>39</sup>

Pada 6 Ogos 1920 di bangunan lama Sekolah Chowrasta, atas daya usaha Muhammad Zain, satu mesyuarat guru-guru Sekolah Melayu Pulau Pinang dan jajahannya telah diadakan. Seramai 65 orang guru terbabit dan mereka telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah persatuan guru-guru dengan nama Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Encik Muhammad Zain telah dilantik sebagai penyusun perlembagaan

---

<sup>37</sup> Mardiana Nordin, "Panduan Guru:Peranan dan Sumbangannya dalam Membangkitkan Kesedaran Masyarakat Melayu" (Kertas Projek, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya,1995), 28.

<sup>38</sup> Sekolah ini merupakan antara 2 buah sekolah Melayu yang tertua yang terdapat di Pulau Pinang pada ketika itu selain Sekolah Melayu Pulau Pinang yang terletak di Ayer Itam. Sekolah Chowrasta ataupun dikenali sebagai Chowrasta Malay School, George Town ini telah ditubuhkan pada tahun 1878 dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa Pengantar pada ketika itu. Ianya adalah nama asal bagi Sekolah Kebangsaan Sri Tanjung. Tapal asal sekolah ini adalah terletak di persimpangan Jalan Transfer dan Jalan Phee Choon. Kini merupakan tapak ibu pejabat Polis Pulau Pinang.

<sup>39</sup> Mardiana Nordin, "Panduan Guru:Peranan dan Sumbangannya dalam Membangkitkan Kesedaran Masyarakat Melayu" (Kertas Projek, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya,1995), 28.

persatuan itu.<sup>40</sup>Persatuan ini akhirnya telah didaftarkan pada 7 Mac 1921 dengan nama Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang, daerah-daerah ini merupakan sebahagian daripada pentadbiran Kerajaan Negeri Selat.<sup>41</sup>

Pada mesyuarat kali ke-3 PGMPP pada 3 Mac 1922, kata sepakat telah dikemukakan bagi menerbitkan sebuah majalah bagi mewakili perjuangan persatuan mereka. Pada mesyuarat itu, Encik Mohamad Hussin bin Abdul Rashid telah dilantik sebagai editornya. Mesyuarat juga telah menetapkan judul majalah ini ialah *Panduan Guru*.<sup>42</sup>

Walaupun majalah ini dikeluarkan selama tiga tahun sahaja, namun telah berjaya menggarap beberapa isu yang menarik untuk ditatapi oleh masyarakat Melayu seperti isu pendidikan, bangsa Melayu, kesihatan, moral dan pengetahuan am yang lain. Penglibatan guru-guru Melayu dalam bidang kewartawanan ini digambarkan oleh W.R.Roof sebagai:

*"School teacher always among the better educated and more intellectually active of young Malays during these years, played an important role in all forms of journalism as contributors, correspondents, critics, and of course purchase and readers, but they also from time to time started periodicals of their own, one or two of which are among the more important of the period."*<sup>43</sup>

Rentetan daripada itu, berdasarkan tujuan yang sama, usaha daripada PGMPP ini diikuti oleh guru-guru Melayu dari negeri lain untuk bersama-sama memimpin masyarakat Melayu. Berdasarkan tujuan yang sama, Persatuan Guru-guru Melayu Selangor, Persatuan Guru-guru Melayu Negeri Sembilan, dan Persatuan Guru-guru Melayu Melaka telah

---

<sup>40</sup> *Ibid*

<sup>41</sup> *Ibid*

<sup>42</sup> *Ibid*

<sup>43</sup> W.R.Roof, *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941: With an Annotated Union List of Holdings in Malaysia, Singapore and the United Kingdom*, (London: Oxford University Press, 1972), 14.

bersatu mengeluarkan majalah sebagai saluran ataupun lidah rasmi mereka, iaitu *Majalah Guru*<sup>44</sup> pada tahun 1924. Berikut ialah rentetan kemunculan Persekutuan Guru-guru Melayu dengan majalah mereka:

**Jadual 3.3: Senarai Persatuan Guru-guru Melayu dan Penerbitan Majalah**

Tahun	Nama Persatuan	Nama Majalah
1 November 1932	Guru-guru Pelatih MPSI	Cenderamata
Julai 1926	Persekutuan Guru-guru Islam Muar	Lembaran Guru
1 Jun 1930	Persekutuan Guru-guru Perempuan Melayu Johor	Bulan Melayu
Januari 1936	Persekutuan Guru-guru Melayu Singapura	Saujana
20 Mac 1938	Persekutuan Guru-guru Melayu Perak Selatan	Semangat Guru

Sumber: *Guru-guru Melayu Peranan dan Perjuangan Pasa Zaman Penjajahan*

Tujuan utama penubuhan Persekutuan Guru-guru Melayu pada waktu itu menurut pengarang *Majalah Guru* ialah:

*"Bahawasanya kita sekalian guru-guru Melayu bersaudara yang sama sebangsa, sama pekerjaan dan sama tujuan maka dengan sebab itu tidaklah ada jalan yang lebih baik di antara kita sekalian supaya berkenalan dan tunjuk-menunjuk,ingat-mengingati dan bertukar-tukar fikiran yang memberi faedah kepada am, melainkan kita ada mempunyai suatu majalah yang khas bagi kita. Yang demikian percayalah kami bahawa percubaan kami yang sedikit ini akan digemari dan disokong oleh saudara-saudara kami yang ramai adanya di alam Melayu ini."*<sup>45</sup>

Selain itu, penerbitan majalah yang diusahakan oleh persatuan guru-guru ini juga bukan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan, tetapi yang lebih penting adalah

<sup>44</sup> Majalah ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam subtopik seterusnya.

<sup>45</sup> *Majalah Guru*, November 1924, 1.



sebagai tempat untuk guru-guru Melayu menyampaikan mesej dan pemikiran mereka kepada masyarakat Melayu. Menurut pengarang *Majalah Guru*:

*"Dari dahulu hingga sekarang tujuannya bukan hendak berniaga mencari untung tetapi hanya untuk menjadi tanda persatuan guru-guru Melayu dalam semenanjung untuk tempat melepas dan mencanai fikiran guru, untuk tempat guru-guru yang kurang pandai menunjuk dan mengeluarkan fikiran kepada guru-guru yang kurang pandai dan untuk menjadi bacaan yang pendek sebulan sekali yang berfaedah bagi guru-guru dan murid-murid."*<sup>46</sup>

Perjuangan guru-guru Melayu dalam memajukan masyarakat Melayu ini digambarkan dalam bentuk puisi yang di muatkan dalam *Majalah Guru*.<sup>47</sup> Pentingnya peranan guru dalam memajukan masyarakat Melayu pada masa ini telah dinyatakan dalam *Majalah Guru* itu sendiri yang berbunyi:

*"Adalah guru itu boleh dikatakan sebagai alat yang terkemuka sekali buat guru memajukan anak bangsanya yang akan datang kerana merekalah yang awal mula-mula pertama sekali menjejakkan qalamnya ke atas hamparan dada anak bangsanya yang bersih itu..."*<sup>48</sup>

Peranan guru dalam masyarakat, khususnya dalam membentuk individu berilmu dan bermoral, sememangnya tidak boleh dilupakan begitu sahaja. Kedudukan individu dalam sesebuah masyarakat, sama ada berpangkat tinggi atau rendah semuanya berasaskan asuhan dan didikan daripada guru.

Sebenarnya, perjuangan guru-guru Melayu untuk memajukan masyarakat Melayu tidak terhenti setakat itu sahaja. Perjuangan guru-guru Melayu tetap subur dan semakin berkembang, khususnya sehingga Perang Dunia Kedua. Hal ini terbukti dengan penubuhan Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung (KPGMS) pada tahun 1946.

---

<sup>46</sup>*Ibid.*

<sup>47</sup>*Majalah Guru*, 1 Jun 1932, 101.

<sup>48</sup>Rencana Pengarang, *Majalah Guru*, 1 November 1924.,2.

Persatuan ini akhirnya ditukar nama kepada Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Persekutuan Tanah Melayu (KPGMPTM) pada tahun 1954 dan seterusnya pada tahun 1968, nama persatuan tersebut diubah kepada Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB).<sup>49</sup>

Sejak tahun 1920an, golongan guru ini terlibat secara aktif dalam bidang penulisan yang memperkatakan pelbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu. Persekutuan Guru-guru Melayu Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor akhirnya telah berjaya menerbitkan sebuah majalah, iaitu *Majalah Guru* pada November 1924. *Majalah Guru* muncul sebagai sebuah majalah yang bukan sahaja memperkatakan keperihalan pengajaran dan pembelajaran, malah mencakupi pelbagai isu sezaman yang berkaitan dengan pemasalahan sosial, politik dan ekonomi orang-orang Melayu. Umumnya, ramai yang tidak mengetahui bahawa pada masa ini juga telah wujudnya kesedaran sejarah oleh masyarakat Melayu.<sup>50</sup> Selain itu juga, rencana yang termuat dalam majalah yang diterbitkan oleh persatuan mereka sendiri, rencana mereka juga turut tersiar dalam akhbar serta majalah tempatan.<sup>51</sup>

Oleh yang demikian, dapat penulis simpulkan bahawa pembelajaran di maktab-maktab perguruan yang didirikan oleh penjajah British telah membentuk sikap bekerjasama di antara guru-guru Melayu seluruh Tanah Melayu. Komitmen mereka untuk memimpin bangsa Melayu dapat dilihat dengan tertubuhnya Persekutuan Guru-guru

---

<sup>49</sup> Nik Safiah Karim, "Peranan Guru-guru Melayu dalam Pergolakan Bahasa", (Kertas Kerja Seminar Bersama Kesatuan Guru-guru Melayu Semenanjung, Jabatan Pengajian Melayu, 1979),3.

<sup>50</sup>Mengenai kesedaran sejarah ini akan dibincangkan lebih lanjut lagi oleh penulis dalam subtopic yang berikutnya.

<sup>51</sup>Menurut Muhammad Janan Ahmad, pada tahun 1920an merupakan percambahan dan perkembangan akhbar dan majalah. Guru-guru sebagai kaum terpelajar dizaman itu kebanyakannya adalah secara langsung ataupun tidak telah terlibat dalam gelombang perkembangannya dan ada diantara mereka yang menjadi wartawan pada akhbar-akhbar lain secara sambilan dan ramai pula yang menjadi penulis secara bebas dan tidak mengikut persatuan. Lihat Menurut Muhammad Janan Ahmad "Peranan Majallah Guru dalam Perkembangan Sastera Sa-belom Peperangan Dunia II", (Kertas Projek, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966),25.

Melayu Pulau Pinang kemudian diikuti pula dengan pertubuhan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung Tanah Melayu. Ini selaras dengan firman Allah s.w.t dalam surah Ali-Imran iaitu:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْعُرْفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ

الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

*Terjemahan: Dan hendaklah ada (tersusun) di antara kamu, segolongan umat yang (tetap) menyeru kepada kebaikan dan menyuruh berbuat makruf dan melarang (melakukan) yang mungkar, mereka itulah orang-orang yang berjaya*

Surah Ali-Imran (3):104

Seiring dengan itu pula diterbitkan majalah-majalah yang dibiayai oleh guru-guru, dan ini menunjukkan bahawa guru-guru Melayu pada waktu itu merupakan pertubuhan yang bergerak cergas dalam menghadapi masalah Melayu.

### 3. SEJARAH PENERBITAN DAN PENTADBIRAN MAJALAH GURU

Majalah ini diberi nama *Majalah Guru* bersesuaian dengan namanya yang bertujuan memberikan suatu ‘mutiara yang berharga’ daripada guru kepada masyarakat Melayu khususnya. Majalah Guru juga disebut “*Majallah Guru*”<sup>52</sup> atau “*Mujallah Guru*”.<sup>53</sup> Hal ini mungkin adalah kerana faktor zaman yang mengakibatkan perubahan ejaan.

Bermula daripada penerbitannya yang pertama (1924) ini, *Majalah Guru* dari masa kesemasa telah semakin berkembang dan kedudukannya semakin kukuh. Ini kerana

<sup>52</sup> Lihat Muhammad Janan Ahmad, ‘Peranan Majallah Guru dalam Perkembangan Sastera Sa-belom Peperangan Dunia II’ (Kertas Projek, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966), Nik Safiah Karim, ‘Linguistic Content of Majallah Guru 1924-1934’, (Kertas Kerja Persidangan, Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, 8-10 Sept, Universiti Malaya, 1979) dan juga kulit hadapan *Majalah Guru* 1 Januari 1933 dengan tulisan rumi.

<sup>53</sup> Lihat kulit hadapan *Majalah Guru* tahun 1950 dengan tulisan rumi.

keanggotaannya yang turut mendukung majalah ini telah semakin bertambah dengan kemasukan PGM Pulau Pinang pada 1 Ogos 1925. Kemudian pada 1 Mei 1930, PGM Kelantan pula turut menyertainya. Dengan ini *Majalah Guru* semakin luas pengaruhnya hingga penerbitannya berpindah ke Kuala Lumpur dan akhirnya ke Pulau Pinang. Semasa *Majalah Guru* berpusat di Kuala Lumpur, beberapa buah lagi persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung telah turut sama menaungi majalah ini iaitu PGM Pahang pada tahun 1933, PGM Singapura pada bulan Ogos 1938 dan akhirnya PGM Brunei pada bulan Oktober 1938.<sup>54</sup>

Selama 7 tahun 2 bulan *Majalah Guru* diterbitkan di Seremban dan dijaga di bawah kelolaan PGM Negeri Sembilan, maka pada 1 Feb 1932, ianya telah berpindah pula ke Kuala Lumpur di bawah jagaan PGM Selangor. Semasa di Kuala Lumpur pengarangnya ialah Mohamad Yassin Makmor (1 Feb 1932-31 Dis 1937). Di Kuala Lumpur *Majalah Guru* dicetak di 'Nanyang Press' dan kemudian dicetak di 'The Selangor Press Co. Kuala Lumpur'.

Setelah genap 7 tahun majalah ini diterbitkan di Kuala Lumpur, maka pada 1 Feb 1939-31 Dis 1941, majalah ini berpindah pula penerbitannya ke Pulau Pinang dan dikelolakan di bawah PGM Pulau Pinang. Semasa di Pulau Pinang, pengarangnya ialah Zainal Abidin B Ali (1 Jan 1939-31 Dis 1939) dan kemudian diganti pula oleh Abdullah bin Yahya (1 Jan 1940-31 Dis 1941). Selama dua tahun di Pulau Pinang, *Majalah Guru*

---

<sup>54</sup> Muhammad Janan Ahmad, "Peranan Majallah Guru dalam Perkembangan Sastera Sa-belom Peperangan Dunia II" (Kertas Projek, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966), Ali Bin Ahmad "Majalah Guru-The Magazine of The Malay Teacher With Particular Reference to 1924-1932 Period and the Role Played by Muhammad Yusof Ahmad", (Tesis, Monash University, Australia, 1975).

telah dicetak di 3 buah syarikat percetakan iaitu 'Penang and Street Press Co. Pulau Pinang', 'I.G.M.S Press Ltd. PP' dan 'Cathay Printers Ltd. PP'.<sup>55</sup>

Dalam masa hampir 17 tahun majalah ini beroperasi, didapati sudah 3 kali perpindahan berlaku. Selepas Perang Dunia kedua, *Majalah Guru* beroperasi kembali di Kuala Lumpur bermula pada 1 Apr 1947. Untuk perpindahan yg ke-5 adalah di Pulau Pinang pada 1 Januari 1950 dan akhirnya kembali semula ke Kuala Lumpur pada tahun 1960. Meskipun pada setiap tempat pusat penerbitannya itu ianya secara khusus dikelolakan oleh sebuah PGM sahaja, tetapi sebenarnya pertubuhan PGM lain yang turut menganggotainya tetap bertanggungjawab memberi bantuan dan sokongan. Sebenarnya sebab perpindahan ini berlaku kerana:

*“...maka oleh sebab baik muafakat dan elok ikatan di antara persekutuan2 Guru2 Melayu yang sama mempunyai maka telah difikir dan ditimbangan di dalam mesyuarat penguasa2 Majalah Guru yang telah diadakan di Kuala Lumpur pada 16 April 1938 dahulu semolek-moleknya majalah ini diasuh dan diurus bergilir-gilir oleh ibu-ibunya yang sama2 kasih akan dia...”<sup>56</sup>*

Semasa kemunculan majalah ini, terdapat sebab kenapa majalah ini diberikan nama *Majalah Guru*:

*“...dinamakan Majalah Guru ialah dimaksudkan akan menjadi hak sekalian guru-guru...”<sup>57</sup>*

Tujuan utama penerbitan *Majalah Guru*<sup>58</sup> ini ialah untuk menggalakkan supaya guru-guru bekerjasama dalam negeri masing-masing supaya mendapat persamaan dalam segala perkara berkaitan dengan kurikulum sekolah, memajukan pelajaran di sekolah

---

<sup>55</sup> *Ibid*

<sup>56</sup> Za'ba, 'Rencana Pengarang', *Majalah Guru*, 1 Disember 1938, 451.

<sup>57</sup> Rencana Pengarang, *Majalah Guru*, 1 November 1924, 2.

<sup>58</sup> Tujuan *Majalah Guru* ini diterbitkan telah diterangkan di dalam syair yang terdapat di dalam *Majalah Guru* ini pada keluaran pertamanya lagi. Lihat, *Majalah Guru*, 1 November 1924, 2.

Melayu, juga bertujuan untuk membincangkan segala kerumitan yang berlaku diantara guru-guru mengenai jawatan dan pekerjaan masing-masing.<sup>59</sup> Ruangan ‘Rencana Pengarang’ dalam *Majalah Guru* pada keluaran pertamanya juga telah menyebut bahawa kemunculan majalah ini bukanlah untuk mengaut keuntungan:

“...*timbulnya Majalah Guru pada tahun 1924 di Seremban bukanlah bertujuan hendak berniaga dan mendapat keuntungan sebagaimana yang terjadi kepada majalah-majalah yang lain. Majalah Guru adalah satu-satunya majalah secara langsung menjadi alat kepada persekutuan guru-guru dan kepada guru-guru untuk mengeluarkan fikiran-fikiran, teguran-teguran, nasihat-nasihat untuk memperjuangkan nasib bangsa dan Bahasa Melayu...*”<sup>60</sup>

Kesimpulannya, tujuan majalah ini diterbitkan adalah untuk menyatukan guru-guru bagi memperjuangkan hak dan memberi nasihat juga ilmu kepada masyarakat Melayu. Timbulnya *Majalah Guru* pada tahun 1924 ini bukanlah bertujuan untuk berniaga dan mendapat keuntungan sepertimana majalah-majalah yang lain.

Menurut W.R. Roof menyatakan bahawa *Majalah Guru* muncul sebagai salah sebuah jurnal Melayu yang paling berpengaruh di Tanah Melayu.<sup>61</sup> Ini menjadi kelainan dalam sejarah perkembangan majalah Melayu sebelum Perang Dunia ke-II, kerana majalah ini dapat bertahan lebih lama berbeza dengan majalah-majalah Melayu yang lain iaitu majalah yang muncul sezaman dengannya. Biasanya majalah Melayu pada zaman itu sukar bertahan lama kerana masalah pentadbiran, kewangan serta kurang sambutan pembaca.<sup>62</sup> Menurut Ali bin Ahmad (1975), menyatakan bahawa *Majalah Guru* ini selain

---

<sup>59</sup> Muhammad Janan Ahmad, "Peranan Majallah Guru dalam Perkembangan Sastera Sa-belum Peperangan Dunia II" (Kertas Projek, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966),12.

<sup>60</sup> Rencana Pengarang, *Majalah Guru*, 1 November 1924, 2.

<sup>61</sup> W.R.Roof, *Bibliography of Malay Arabic Periodicals Published in the Straits Settlements and Paninsular Malay States 1876-1941*, (London: Oxford University Press, 1972), 14.

<sup>62</sup> Ali Bin Ahmad "Majalah Guru-The Magazine of The Malay Teacher With Particular Reference to 1924-1932 Period and the Role Played by Muhammad Yusof Ahmad", (Tesis, Monash University, Australia, 1975), 73 dan lihat juga W.R.Roof, *Bibliography of Malay Arabic Periodicals Published in the Straits Settlements and Paninsular Malay States 1876-1941*, (London: Oxford University Press, 1972) bagi melihat antara majalah dan akhbar Melayu yang muncul sezaman dengan *Majalah Guru*.

memiliki tokoh tiga serangkai yang berasal daripada Linggi, Negeri Sembilan, malah mempunyai ikatan kekeluargaan, iaitu Muhammad Yusof (adik kepada Za'ba) sebagai penentu dasar dan pengatur rancangan, Muhammad Datuk Muda (bapa saudara Za'ba dan Muhammad Yusof) menentukan bahan penerbitan, manakala Za'ba sebagai penyumbang rencana berkualiti serta yang terbanyak termasuk juga ruangan *Tawārikh*.<sup>63</sup>

*Majalah Guru* bukanlah majalah yang ingin menjadi guru kepada pembacanya tetapi majalah yang dipunyai oleh guru-guru atau majalah yang sedia menanti kedatangan sekalian saudaranya iaitu guru-guru di seluruh semenanjung dan termasuk juga Sumatera, Jawa, Borneo dan gugusan-gugusan kepulauan Melayu. Walaupun kulit majalah ini ditulis dengan Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka,<sup>64</sup> akan tetapi guru-guru yang bukan di wilayah ini juga amat dialu-alukan dalam menyumbangkan buah fikiran.<sup>65</sup>

*Majalah Guru* disifatkan sebagai majalah yang mapan. *Pengasoh* juga ada menyebut tentang *Majalah Guru* bahawa majalah ini merupakan majalah untuk masyarakat dan sepatutnya dilanggan oleh orang Melayu dan *Pengasoh* juga menyebut “*salah satu daripada sahabat kami yang disayangi*”. Ini menunjukkan bahawa majalah lain yang wujud pada masa itu juga menyokong penerbitan *Majalah Guru* ini. Sekiranya dilihat dari

---

<sup>63</sup> Ali Bin Ahmad “Majalah Guru-The Magazine of The Malay Teacher With Particular Reference to 1924-1932 Period and the Role Played by Muhammad Yusof Ahmad”, (Tesis, Monash University, Australia, 1975), 111

<sup>64</sup> Walau bagaimanapun, pada Ogos 1925, Pulau Pinang telah tersenarai sebagai persekutuan guru-guru yang terlibat dalam *Majalah Guru* selepas persekutuan itu memberhentikan pengeluaran majalah *Panduan Guru*. Lihat (1925), *Majalah Guru*, 1 Ogos 1925. Sebelum itu, Muhammad Yusof telah mencadangkan supaya Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang untuk bergabung dengan persekutuan Negeri Sembilan, Selangor, dan Melaka akan tetapi cadangannya itu ditolak oleh persatuan di Pulau Pinang apabila dikemukakan olehnya pada tahun 1923. Ali bin Ahmad menyatakan bahawa persatuan Pulau Pinang ini menolak kerana takut kehilangan status peneroka dan kuasa editornya apabila bergabung. Walau bagaimanapun, akhirnya Pulau Pinang bergabung kerana tiada sumbangan rencana oleh ahlinya dan bukan kerana faktor kekurangan wang. Ianya ditambah pula dengan saranan Za'ba supaya mereka tidak bersifat kenegerian. Penerbitan *Majalah Guru* ini akhirnya disertai oleh persatuan lain seperti Kelantan (1930), Pahang (1931), Singapura dan Brunei (1938). Lihat Ali bin Ahmad (1975) dan Adnan Hj. Nawang, *Zaba dan Melayu*, (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1998).

<sup>65</sup> *Majalah Guru*, 1 Januari 1925, 2.

sudut orientasi *Pengasoh*, ianya merupakan majalah yang berorientasikan agama<sup>66</sup> manakala *Majalah Guru* berorientasikan sekular. Pengarang-pengarangnya berpandangan jauh mendahului zaman.

*Majalah Guru* ini diterbitkan di Seremban oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan dicop menggunakan huruf jawi<sup>67</sup> iaitu cop halus<sup>68</sup> serta dicetak oleh Yok Fong Press<sup>69</sup> dan kemudiannya diambil alih oleh Matbaah al-Raudhah.<sup>70</sup>

Pada permulaan majalah ini muncul, ianya hanya mengandungi 32 muka sahaja iaitu 16 helai, akan tetapi setelah *Majalah Guru* ini mendapat sambutan daripada pembaca, jumlah ini bertambah sehingga menjadi 40 muka iaitu 20 helai.

---

<sup>66</sup> Lihat Hamed Mohd Adnan, *Penerbitan Majalah di Malaysia Isu-isu dan Cabaran*, (Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd, 2003) dan Faisal @ Ahmad Faisal, "Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (1964-1996): Kajian Terhadap Pendekatan dan Tema" (Tesis, Akademi Pengajian Islam, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya, 2011) untuk melihat lebih lanjut mengenai majalah.

<sup>67</sup> *Majalah Guru* adalah majalah yang menggunakan tulisan jawi dan majalah ini juga memartabatkan tulisan jawi dari pernyataan majalah ini "...dan *Majalah Guru* bersuara lagi bahawa surat-surat atau karangan-karangan yang dikirinkan hendaklah ditulis dengan tulisan jawi bukan tulisan rumi kerana *Majalah Guru* adalah majalah yang dicetak dengan tulisan jawi..." lihat (1929) *Majalah Guru*, 1 Julai 1929, 138.

<sup>68</sup> Terdapat pernyataan didalam *Majalah Guru* yang menyatakan "...menggunakan cop halus, sebab itu kerap berlaku kesilapan sama ada keciciran daripada titik huruf, perkataan atau tertinggal atau terulang perkataan sampai sebaris daripadanya dan terkadang lebih..." lihat Bahagian Rencana Pembukaan (1926), *Majalah Guru*, Bil. 1, Tahun ke-3, 1 Januari, hlm. 3

<sup>69</sup> Terletak di Seremban, Negeri Sembilan No. 147, Jalan Breach Road. Percetakan Yok Fong Press hanya bertanggungjawab mencetak *Majalah Guru* dari tahun 1924-1925.

<sup>70</sup> Terletak di Seremban, Negeri Sembilan No.30 Locke Road. Percetakan Matbaah al-Raudhah bertanggungjawab mencetak *Majalah Guru* bermula dari tahun 1926.



### 3.1 Sejarah Pentadbiran *Majalah Guru*

**Gambar 3.1: Sidang Redaksi *Majalah Guru* (Bilangan 5, tahun yang kedua, Mei 1925)**



Sumber : Arkib Negara Malaysia

Gambar 3.1 diatas telah diambil selepas daripada mesyuarat jawatankuasa *Majalah Guru* di Kuala Lumpur pada 8 Mac 1925 yang merupakan gambar ahli jawatankuasa penubuhan *Majalah Guru*. Duduk dari kiri ke kanan ialah Haji Muhammad Sidin<sup>71</sup>, En. Muhammad Bin Dato Muda<sup>72</sup> dan En. Mohd Shah Bin Yusof<sup>73</sup>. Berdiri dari kiri ke kanan ialah En. Ahmad Bin Ab. Rahman,<sup>74</sup> En. Abdul Rahim Bin Haji Osman<sup>75</sup>, Mohd Yusof Bin Ahmad<sup>76</sup> dan En. Baba Bin Jaudin<sup>77</sup>.

Jika dilihat daripada kertas projek Muhammad Janan Ahmad, beliau juga telah menyertakan gambar seperti diatas, akan tetapi terdapat kekeliruan apabila beliau

<sup>71</sup> Beliau merupakan guru pelawat Kuala Lumpur dan juga merupakan penyimpan wang Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor dan pembantu pengarang *Majalah Guru*

<sup>72</sup> Lihat Ali Bin Ahmad, "*Majalah Guru* the Magazine of the Malay Teachers (with particular reference to the 1924-1932 period and the role played by Muhammad Yusof Ahmad)" (Tesis, Monash University, 1975) mengenai biografi lengkap mengenai Muhammad Datoq Muda dari halaman 99-101.

<sup>73</sup> Beliau merupakan guru pelawat Melaka dan juga merupakan setiausaha pelajaran Persekutuan Guru-guru Melayu Melaka dan pengarang *Majalah Guru*

<sup>74</sup> Beliau merupakan penolong nazir Sekolah-sekolah Melaka dan juga pengetua Persekutuan Guru-guru Melayu Melaka dan pengawas (*director*) *Majalah Guru*

<sup>75</sup> Beliau merupakan Setiausaha Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor

<sup>76</sup> Beliau merupakan penolong nazir sekolah-sekolah Selangor, Yang Dipertua Persekutuan Guru-guru Selangor dan pengawas (*director*) *Majalah Guru*

<sup>77</sup> Beliau merupakan penolong nazir sekolah-sekolah Negeri Sembilan, Yang Dipertua Persekutuan Guru-guru Melayu Negeri Sembilan dan pengawas (*director*) *Majalah Guru*

memperkenalkan nama yang terdapat pada gambar tersebut iaitu berdiri dari kiri ke kanan ialah dimulai dengan En. Baba, En. Ibrahim, En. Mohd Yusof Bin Ahmad dan akhir sekali En. Ahmad Bin Ab. Rahman. Saya mengambil sumber bagi ahli jawatankuasa ini daripada *Majalah Guru* dan telah disahkan oleh Arkib Negara Malaysia.

Secara keseluruhannya, terdapat juga ahli jawatankuasa lain yang tidak terdapat di dalam gambar 3.1 diatas. Pada kulit belakang *Majalah Guru*, bil. 4, 5 dan 6 iaitu dari bulan April hingga Jun 1926, terdapat nama jawatankuasa secara lengkap. Walau bagaimanapun, pengasas bagi *Majalah Guru* ini ialah Yang Dipertua Persekutuan Guru-guru Melayu iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Berikut ialah senarai ahli jawatankuasa tersebut:<sup>78</sup>

- Pengawas (*Director*) : En. Muhammad Yusof Bin Ahmad  
(Yang Dipertua Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor)
- : En. Baba Bin Jaudin  
(Yang Dipertua Persekutuan Guru-guru Melayu N.Sembilan)
- : En. Ahmad Bin Abdul Rahman  
(Yang Dipertua Persekutuan Guru-guru Melayu Melaka)
- : En. Abdul Jalil Bin Osman  
(Yang Dipertua Persekutuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang)
- Pengusaha (*Manager*): En. Muhammad Bin Dato' Muda  
: En. Muhammad Akim Bin Soleh
- Pengarang : En. Muhammad Bin Dato' Muda
- Penolong Pengarang : Hj Muhammad Saidin Bin Rashid (Selangor)  
: En. Abas Bin Haji Ali (Negeri Sembilan)  
: En. Muhammad Syah Bin Yusof (Melaka)  
: En. Muhammad Husin Bin Abdul Rashid (Pulau Pinang)
- Penulis yang Khas : Zainal Abidin Bin Ahmad } Penterjemah di pejabat penguasa  
: Yazid Bin Ahmad } pelajaran Negeri Persekutuan &  
Negeri Selat  
: Tuan Osman Abdullah (Mesir)

---

<sup>78</sup> Diambil dari senarai dalam belakang *Majalah Guru*. Lihat (1926), *Majalah Guru*, Bil. 4-6, tahun ke-3, April-Jun

Walau bagaimanapun, penulis-penulis dalam *Majalah Guru* ini adalah tidak tetap seperti yang terdapat di dalam kenyataan *Majalah Guru*:

“...kita memberi banyak terima kasih kepada pembantu-pembantu kita serta encik-encik guru yang telah menghantar karangannya buat majalah ini...”<sup>79</sup>

Penulis di dalam *Majalah Guru* ini bukan sahaja daripada Persekutuan Guru-guru Melayu Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor akan tetapi majalah ini sangat mengalukan karangan atau penulisan dari semua pihak termasuklah golongan ulamak. Pernyataan ini terdapat didalam *Majalah Guru*:

“...dan sedialah majalah ini melapangkan halamannya untuk tarian kalam mereka itu serta menerima jua apa-apa teguran yang sebenar daripada tuan-tuan ulamak dan pendeta-pendeta kita...”<sup>80</sup>

Daripada kenyataan di dalam majalah ini jelas menunjukkan bahawa *Majalah Guru* berlapang dada untuk menerima kritikan, pandangan dan nasihat daripada golongan ulamak iaitu golongan yang berorientasikan agama ini. Bagi pendapat penulis, ini menunjukkan juga bahawa *Majalah Guru* ini cuba untuk mengambil jalan berkecuali daripada ‘perbalahan’ antara majalah kaum tua dan kaum muda.<sup>81</sup> Walau bagaimanapun, menurut Adnan Hj Nawang (1998), beliau menyatakan bahawa pengaruh ajaran reformis Islam Kaum Muda semakin menular dikalangan intelegensia Melayu sejak penerbitan *Al-Imam* (1906-1908) termasuklah peranan yang dimainkan oleh guru-guru Melayu pada awal

---

<sup>79</sup> *Majalah Guru*, 1 November 1924, 17.

<sup>80</sup> *Ibid*

<sup>81</sup> Pernyataan dari *Majalah Guru* memperlihatkan bahawa majalah ini bukan berorientasikan agama dapat dilihat dari pernyataan “...disini pihak *Majalah Guru* menjelaskan bahawa ramai yang mengirinkan karangan-karangan yang berunsur masalah agama dan perbincangan agama. Ianya dikatakan akan menjadi pertengkaran dan itu bukanlah identiti *Majalah Guru*...” ini menunjukkan bahawa *Majalah Guru* tidak termasuk dalam ‘perbalahan’ antara kaum muda dan kaum tua, akan tetapi mereka sedia menerima pandangan dari ulamak yang menjadi kaum tua. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pertentangan antara kaum tua dan muda lihat Hashim Ismail, *Hermeneutik: Reaksi Reformasi Kaum Muda*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010) juga Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, “Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (1964-1996) : Kajian Terhadap Pendekatan dan Tema”, (Tesis, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

1920-an.<sup>82</sup> Dilihat bahawa Za'ba merupakan sahabat kepada Sheikh Tahir, Syed Sheikh Al-Hadi dan Muhammad Rashid Rida yang mendukung fahaman Kaum Muda,<sup>83</sup> dan Za'ba merupakan penyumbang artikel atau rencana yang banyak di dalam *Majalah Guru* ini, maka penulis mendapati bahawa *Majalah Guru* ini juga merupakan medium kepada fahaman Kaum Muda daripada pernyataan Adnan Hj Nawang, walaupun dinafikan oleh pernyataan yang terdapat di dalam *Majalah Guru* itu sendiri.

*Majalah Guru* adalah diantara majalah yang lama bertahan jika dibandingkan dengan majalah lain yang muncul sezaman dengannya. Didalam majalah ini diberikan juga dua sebab kenapa *Majalah Guru* boleh bertahan iaitu daripada pernyataan:<sup>84</sup>

“...ia tiada bergantung nyawanya kepada orang-orang luar yang berlangganan, kerana wangnya sendiri ada dan tetap datangnya daripada sekalian ahli persekutuan yang mengeluarkan dia...penting daripada mencampuri medan siasat negeri dan gelanggang pertengkaran agama...”

Ini menunjukkan bahawa wang modal untuk mencetak dan menerbitkan majalah ini adalah hasil daripada ahli-ahli di dalam persekutuan. Oleh itu, *Majalah Guru* ini bertahan lama jika dibandingkan dengan majalah-majalah yang bertahan diatas wang langganan daripada pembaca sahaja. Ini juga menunjukkan bahawa majalah ini bukan untuk mendapatkan keuntungan semata-mata yang paling penting baginya ialah untuk menyampaikan segala ilmu sama ada nasihat atau teguran kepada orang Melayu khususnya.

---

<sup>82</sup> Adnan Haji Nawang (1998), *Za'ba dan Melayu*, (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd, 1998), 239.

<sup>83</sup> Kaum Muda bukanlah sebuah organisasi akan tetapi faktor yang menyatukan pengikutnya adalah berteraskan persamaan fahaman mereka tentang ajaran Islam. Perkembangan pengaruh Kaum Muda di Tanah Melayu membuka suatu lembaran baru dalam sejarah sosial orang Melayu. Lihat Adnan Haji Nawang, *Za'ba dan Melayu*, (Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd, 1998), Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid (2012), “Majalah Pengasuh Selepas Merdeka (1964-1996) : Kajian Terhadap Pendekatan dan Tema”, (Tesis, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), William Roof (1962), “Kaum Muda-Kaum Tua: Innovation and Reaction Amongst the Malaya 1900-1941”, (International Conference of Southeast Asian Historians, 1<sup>st</sup> January, Singapore) dan Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009).


<sup>84</sup> *Majalah Guru*, Bil.1, 1Januari 1926, 4.

Kebanyakan majalah yang muncul sezaman dengan *Majalah Guru* kebanyakannya berbalah sesama sendiri dalam hal-hal keagamaan. Walau bagaimanapun, ini tidak menjadikan *Majalah Guru* sebagai majalah yang tidak mengambil peduli tentang agama Islam, akan tetapi majalah ini bukan medan untuk menghentam sesama sendiri malah sebagai wadah kepada penyatuan diantara guru, pelajar dan masyarakat. Terdapat juga topik agama yang dibincangkan oleh majalah ini iaitu lebih kepada penerangan atau untuk memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kisah-kisah yang terdahulu yang sudah termaktub di dalam al-Quran.<sup>85</sup>

### 3.2 Sejarah Penerbitan *Majalah Guru*

Sebelum kita membicarakan dengan lebih lanjut mengenai isi kandungan *Majalah Guru* ini, moleklah kiranya penulis menerangkan secara ringkas mengenai fizikal majalah ini.

**Gambar 3.2: Fizikal *Majalah Guru* (Bilangan 1, tahun yang pertama, November 1924)**



Sumber: *Majalah Guru* 1924

Berdasarkan gambar 3.2 diatas, ianya merupakan halaman yang pertama dan bukan kulit hadapan *Majalah Guru* bilangan pertama. Ini adalah kerana penulis tidak

<sup>85</sup> Penulis akan menerangkan lebih mendalam lagi mengenai kisah-kisah sejarah ini didalam bab yang ke-4

memperolehi kulit hadapan majalah tersebut kerana tidak terdapat dalam simpanan Arkib Negara dan di Perpustakaan Zaba. Menurut pegawai di Arkib Negara ini adalah kerana disebabkan oleh usia *Majalah Guru* yang menyebabkan material kertas bagi majalah ini sudah rosak dan reput. Penulis akan menerangkan beberapa perkara yang menarik untuk dinyatakan di dalam kajian ini. *Pertama*; perkataan *Majalah Guru* ditulis dengan tulisan Jawi (khat *Thuluth*)<sup>86</sup>. Terdapat juga harga langganan dan harga iklan yang dipaparkan pada halaman pertama *Majalah Guru*. Harga langganan setahun adalah sebanyak \$4.00, untuk enam bulan pula sebanyak \$2.25 dan harga sebuah *Majalah Guru* ialah 40 sen.

Penjualan majalah dengan harga 40sen sebuah bagi penulis, adalah agak mahal jika dibandingkan dengan majalah-majalah lain yang wujud pada tahun-tahun yang berikutnya.<sup>87</sup> Penulis juga berpendapat bahawa pada tahun 1920-an merupakan zaman dimana ekonomi orang-orang Melayu tidak kukuh.<sup>88</sup> Menurut Faisal @ Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid, beliau menyatakan bahawa jika dilihat kepada orang Melayu pada awal abad ke-20, rata-rata mereka beragama Islam dan kuat berpegang dengan ajaran agama Islam. Ironinya Islam merupakan suatu dasar hidup yang sempurna, bersifat dinamik dan progresif, namun penganutnya adalah amat mundur.<sup>89</sup> Menurut Faisal Bin Othman pula, tiga permasalahan yang tidak lari dari orang Melayu ialah kejahilan, kemiskinan dan

---

<sup>86</sup> Khat *Thuluth* merupakan antara jenis khat yang diminati ramai kerana kehalusan sennya dalam memenuhi cita rasa dengan pelbagai bentuk yang menarik dan sesuai. Ianya juga digelar sebagai "*Raja Segala Khat*". Lihat Jainal Sakiban *Seni Khat, Keindahan dalam Kepelbagaian*, (Selangor: Synergymate, 2005).

<sup>87</sup> Contohnya seperti *Majalah Al-Islah* yang diterbitkan pada Februari 1970, iaitu 5 dekad ke hadapan hanya berharga 35sen senaskah.

<sup>88</sup> Menurut Abdullah Haji Jaafar, beliau menyatakan bahawa menjelang awal abad ke-20, kedudukan orang Melayu masih lagi berada dalam kemunduran dan kemiskinan. Pada keseluruhannya, masyarakat Melayu masih belum berubah secara radikal. Jika dibandingkan dengan bangsa asing seperti Cina dan India, orang Melayu masih jauh ketinggalan dalam semua bidang, terutama bidang ekonomi dan sosial. Lihat Abdullah Bin Jaafar, "Al-Imam" dalam, *Lembaran Akhbar Melayu*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 12

<sup>89</sup> Faisal@Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid et al., "Majalah Islah dan Masyarakat Melayu Tahun 70an", *Jurnal al-Tamaddun*, Bil.6, 2011, 124.

ketidaksihatan masyarakatnya.<sup>90</sup>Disini penulis sertakan harga akhbar dan majalah yang wujud pada dekad 20-an:

**Jadual 3.4:Senarai Harga Akhbar dan Majalah Melayu Pada Dekad 20-an**

<b>Tajuk Majalah/ Akhbar</b>	<b>Harga senaskah</b>
Edaran Zaman	50sen
Pengasoh	60sen
<i>Majalah Guru</i>	40sen
Malaya	35sen
Al-Ikhwan	35sen
Seruan Azhar	35sen
Pilihan Timor	40sen
Jasa	25sen
Angan-angan kehidupan	70sen
Tentuan Muda	40sen

Sumber: *Majalah Guru* 1 Oktober 1928

Jika dilihat dari **jadual 3.4** diatas, dari observasi penulis mendapati bahawa rata-rata majalah yang terdapat pada tahun 1920-an tidak terdapat banyak jurang harga antara satu sama lain. Bagi pendapat penulis, hal ini terjadi kerana kemungkinan yg besar adalah kerana harga kertas yang mahal pada ketika itu,walaupun umum mengetahui bahawa pada dekad 20an merupakan kemunduran orang Melayu dari segi ekonomi.

<sup>90</sup> Faisal Bin Othman, "Islam dan Pembangunan Masyarakat Malaysia" dalam Ismail Abdul Rahman dan Mohd Nasir Omar (ed.), *Islam Cabaran dan Isu Semasa*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991),120.

Terdapat juga pernyataan di dalam *Majalah Guru* iaitu pendapat oleh Za'ba yang ingin menambahkan halaman dalam majalah ini, seterusnya menaikkan harga bagi sebuah *Majalah Guru* daripada berharga 40sen senaskhah kepada 70 atau 80sen senaskhah. Walau bagaimanapun, ianya mendapat bantahan oleh persekutuan dengan menyatakan bahawa:

*“...harga yang bertambah kepada 70sen dan 80sen sebuah maka iaitu mahal. Kerana sedangkan dengan harga 40sen sebuah lagi banyak mereka yang liar daripada menunaikan bayarannya betapa pula jika telah lebih mahal...”<sup>91</sup>*

Daripada pernyataan di atas dapatlah penulis simpulkan juga bahawa cadangan Za'ba merupakan cadangan yang murni dimana beliau ingin menambahkan lagi halaman majalah ini bukan untuk keuntungan tetapi untuk menambahkan ilmu pengetahuan orang-orang Melayu. Persekutuan Guru-guru Melayu menolak cadangan itu adalah kerana ianya akan melibatkan kenaikan harga majalah ini yang dilihat mereka tidak mampu untuk pembaca membayarnya. Ini juga mungkin berkaitan dengan kesedaran Orang Melayu yang masih tidak sedar akan faedah membaca majalah dan akhbar pada masa itu.

*Majalah Guru* diterbitkan pada setiap awal bulan inggeris dengan purata sebanyak 17-20 halaman. Semasa kemunculan pertama *Majalah Guru* ini ianya hanya terdapat 16 halaman sahaja dan kemudiannya bertambah sehingga 20 halaman. Jumlah halaman yang terdapat pada *Majalah Guru* tidak tetap, ianya mengikut kepada banyaknya isu yang dibangkitkan. Artikel-artikel yang dimuatkan dalam majalah ini kebanyakannya adalah sumbangan dari guru-guru persekutuan ataupun dari orang ramai yang prihatin kepada permasalahan orang Melayu ini. Menurut pengarang *Majalah Guru*:

---

<sup>91</sup> “Ucapan Terima Kasih Za'ba”. *Majalah Guru*, 1 Januari 1926, 5.



“...majalah ini diterbitkan pada tiap-tiap awal bulan orang putih maka tahun orang putih (Masihi) telah maklum berawalkan sehari bulan Januari dan akhirnya 31 Disember maka tatkala habis bulan Disember yang baharu lalu ini tahun 1924 digantikan pula oleh tahun 1925 maka tahun majalah inipun mengikut bersama-sama beredar iaitu tahunnya yang pertama telah lenyaplah kerana hendak dimulakan penggal tahunnya daripada awal bulan Januari ini masuklah bilangan tahunnya yang ke-2. Jadi dalam tahun yang pertama hanya dua kali sahaja ia dapat mengunjungi tuan-tuan pembacanya oleh sebab lahirnya mula-mula pada awal bulan November...”<sup>92</sup>

Daripada kenyataan dari *Majalah Guru* ini, majalah ini diterbitkan pada setiap awal bulan Masihi iaitu sebulan sekali. Bilangan pada kulit majalah ini akan bermula dengan bilangan (1) apabila masuk tahun baru (masihi). Oleh itu, pada setiap tahun terdapatnya 12 keluaran kecuali pada tahun 1924 hanya terdapat bilangan 1 dan 2. Kemudian pada tahun berikutnya seperti tahun 1925 dimulakan dengan bilangan 1 kembali hingga bilangan 12. Terdapat juga keluaran *Majalah Guru* yang mempunyai 2 bilangan pada 1 bulan 1926 (bilangan 8-9) iaitu untuk bulan Ogos dan September 1926. Sebab penggabungan bilangan tersebut tidak diketahui kerana tidak dijelaskan dalam keluaran itu. Harga untuk keluarannya adalah berbeza iaitu 50 sen untuk dua bilangan tersebut berbanding dengan harga asalnya 40 sen. Halamannya juga bertambah iaitu terdapat 42 muka surat yang bercetak bagi keluaran tersebut.

*Majalah Guru* ini berukuran 7.2 inci lebar dan 9.2 inci panjang.<sup>93</sup> Majalah ini telah dihentikan pengeluarannya pada masa Perang Dunia Kedua (1941), kemudian disambung semula pada tahun 1942 tetapi dihentikan kembali pada tahun 1947. *Majalah Guru* telah dicetak dengan menggunakan huruf jawi sejak keluaran yang pertama, dan kemudian berubah kpd huruf rumi pada thn 1950. Mengenai saiz tulisannya, anantara tahun 1924-1931


---

<sup>92</sup> “Hendak Berkhidmat Kepada Bangsa dan Negara”. *Majalah Guru*, 1 Januari 1925, 1.

<sup>93</sup> Ukuran di ukur oleh penulis sendiri kemudian ianya adalah sama dengan pernyataan yang ditulis oleh Nor Afzan Mat Salleh “Kajian Rencana-rencana Berbentuk Sejarah dalam Majalah Guru Tahun 1924-1941”, (Kertas Projek, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988).

saiznya agak kecil, tetapi mulai tahun 1932, apabila penerbitannya berpindah ke Kuala Lumpur, hurufnya lebih besar. Walau bagaimanapun pada tahun 1935, saiznya kembali kecil. Hal ini berlaku dikatakan kerana perbezaan penggunaan mesin cetak.<sup>94</sup>

**Gambar 3.3: Muka Hadapan Majalah Guru (Bilangan 8 dan 9, tahun yang ketiga, Ogos dan September 1926)**



Sumber: Majalah Guru

<sup>94</sup> Lihat perbezaan yang terdapat dalam koleksi Za'ba di Perpustakaan Za'ba untuk penerbitan tahun 1924-1929 dengan nombor panggilan L 71 MG, kemudian untuk tahun berikutnya boleh dilihat pada koleksi *i-Malysiana* Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya dengan nombor panggilan yang sama.

Sekiranya dilihat terdapatnya perbezaan muka hadapan *Majalah Guru* bagi setiap tahun.

Lihat **Gambar 3. 4: Muka Hadapan Majalah Guru** di bawah:



Muka hadapan pada tahun 1926

Muka hadapan pada tahun 1927

Penulis memberi 2 contoh muka hadapan *Majalah Guru* iaitu pada tahun 1926 dan 1927. Ianya sudah memadai untuk membuktikan perbezaan yang terdapat pada *Majalah Guru* iaitu perubahan yang dialami setiap tahun pada muka hadapan majalah tersebut. Daripada gambar 3.3 diatas dapat dilihat muka hadapan pada tahun 1926 dan 1927 tulisan khat untuk perkataan *Majalah Guru* adalah sama, begitu juga dengan lakaran bunga, matahari, bintang dan bulan, juga dakwat dan pena. Terdapat juga tulisan kecil *H M Sidin*<sup>95</sup> disebelah kanan atas.

Perbezaan yang terdapat pada kedua-dua muka hadapan ini ialah pada kiri dan kanan iaitu pada kotak antara tulisan khat *Majalah Guru*. Pada tahun 1926, kotak sebelah

<sup>95</sup> Pada pandangan penulis kemungkinan nama yang terdapat pada muka hadapan *Majalah Guru* ini ialah nama pereka lakaran bagi kulit hadapan majalah ini sendiri.

kanan ditulis ‘bilangan 4’ (bilangan pada keluaran bulan April) dan sebelah kiri pula ditulis ‘tahun III’ (tahun keluaran *Majalah Guru*). Berbeza pula pada tahun 1927, kotak sebelah kanan diletakkan harga senaskhah majalah tersebut iaitu 40 cts dan kotak sebelah kiri pula ditulis 40 sen (‘sen’ tersebut ditulis dengan huruf jawi).

Diantara tulisan rumi *Majalah Guru* untuk tahun 1926, di sebelah kanan ditulis tarikh keluaran majalah tersebut iaitu ‘1 April 1926’, sebelah kiri pula ditulis tarikh bagi bulan Islam iaitu ‘18 Ramadhan 1344’. Berbeza pula untuk tahun 1927, di sebelah kanan ditulis dengan tulisan jawi ‘Dengan Bersekutu’ dan disebelah kiri pula ditulis dengan tulisan jawi ‘Meninggikan Mutu’.

### **3.3 Isi Kandungan *Majalah Guru***

*Majalah Guru* dapat dibahagikan kepada 13 perkara iaitu:

- 1) Bahagian Pekerjaan Guru
- 2) Jalan Persekolahan
- 3) Halaman Pendidik
- 4) Bahagian Bahasa Melayu
- 5) Bahagian Rencana
- 6) Bahagian Tawārikh
- 7) Bahagian Kesihatan
- 8) Bahagian Cerita
- 9) Bahagian Orang-orang Melayu
- 10) Bahagian Rampaian
- 11) Perihal Kitab dan Majalah
- 12) Permainan
- 13) Ruangan Kanak-kanak

Isi kandungan diatas diambil penulis daripada penulisan Muhammad Janan Ahmad.<sup>96</sup> Walubagaimanapun, penulis telah membuat penelitian daripada *Majalah Guru* sendiri iaitu terdapat 7 perkara atau bahagian yang telah tersedia sejak mula-mula dikeluarkan iaitu 1) Bahagian Pekerjaan Guru, 2) Bahagian Rencana, 3) Bahagian Tawarikh, 4) Bahagian Ilmu Badan Manusia, 5) Bahagian Cerita, 6) Bahagian Orang-orang Melayu dan 7) Bahagian Rampaian. Kemudian terdapat tambahan pada tahun 1926 iaitu 8) Bahagian Bahasa Melayu, 9) Bahagian Macam-macam Pengetahuan (general knowledge), 10) Bahagian Perihal Kitab dan Majalah, 11) Bahagian Permainan, 12) Bahagian Kanak-kanak dan akhir sekali 13) Bahagian Pengetahuan (khas).

Susunan isi kandungan tidak teratur setiap kali majalah tersebut dikeluarkan. Begitu juga dengan pengisian yang terdapat pada setiap bahagian tersebut, tidak semua 13 bahagian tersebut terdapat pada setiap keluaran. Bagi pendapat penulis, sekiranya disusun setiap bahagian itu dengan teratur dan diwujudkan setiap bahagian itu pada setiap keluaran, nescaya ianya akan memberi faedah kepada orang Melayu iaitu para pembaca akan dapat berfikir secara teratur, memudahkan untuk dikumpul mengikut bahagiannya jika pembaca ingin menghimpunkan kesemua pengisian yang terdapat pada setiap bahagian menjadi sebuah buku.

*Majalah Guru* menyatakan bahawa isi kandungan majalah ini merupakan rencana yang menyentuh isu-isu bangsa Melayu ketika itu:

*“...akan tetapi keadaan majalah itu kandungannya yang terutama ialah rencana-rencana dan huraian-huraian yang lanjut menyeru mengajak memimpin dan mengasuh kaum dan bangsa kepada kemajuan dan tamadun*

---

<sup>96</sup> Beliau membuat penyelidikan mengenai *Majalah Guru* dalam perkembangan sastera pada tahun 1966. Dilihat daripada sumber beliau, beliau telah menggunakan kaedah temubual dan beliau sempat menemubual Za'ba dalam kajian beliau. Hasil temubual beliau lebih menekankan kepada perkembangan sastera. Lihat Muhammad Janan Ahmad, "Peranan Majallah Guru dalam Perkembangan Sastera Sabelum Peperangan Dunia II" (Kertas Projek, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1966).

*serta mengingat dan menjagakan kaumnya yang lalai supaya jangan tercebur kedalam lembah kehinaan dan sengsara kehidupan...’’<sup>97</sup>*

Daripada kenyataan majalah ini, penulis berpendapat bahawa kebanyakan isi kandungan dalam *Majalah Guru* ini adalah mengenai masyarakat Melayu iaitu mengenai kemunduran, kemalasan, kemiskinan dan isu pendidikan bangsa Melayu.<sup>98</sup> Penulisan didalam *Majalah Guru* ini dilihat penulis sebagai sopan tetapi tegas. Sopan yang dimaksudkan penulis ialah kebanyakan kenyataan didalam majalah ini lebih kepada merendahkan diri dan menghormati golongan masyarakat yang lain seperti ulamak dan para intelegensia yang lain. Contohnya pernyataan di dalam *Majalah Guru* keluaran pertamanya:

*“...Majalah Guru dengan rupanya yang hodoh merangkak-rangkak hendak mencuba mengkhidmatkan kaumnya...dan sedialah majalah ini melapangkan halamannya untuk tarian kalam mereka itu serta menerima jua apa-apa teguran yang sebenar daripada tuan-tuan ulamak dan pendeta-pendeta kita...’’<sup>99</sup>*

Penyusunan senarai isi kandungan didalam *Majalah Guru* ini juga tidak tersusun, iaitu berada di halaman belakang majalah dan kadang-kadang dicetak di bahagian halaman hadapan majalah ini. Penggunaan istilah bagi senarai isi kandungannya juga berbeza antara setiap keluaran *Majalah Guru* iaitu penggunaan istilah ‘hidangannya’ bagi keluaran Disember 1924, ‘kandungannya’ pada keluaran Januari 1925, ‘suntingannya’ pada Mac 1925 dan ‘isinya’ pada Februari 1925.

---

<sup>97</sup> *Majalah Guru*, Bil.1, 1 Nov 1924, 2.

<sup>98</sup> Isu-isu mengenai kemunduran masyarakat Melayu banyak dibicarakan oleh Khoo Kay Kim, Awang Had Salleh, Abdullah Lubis, lihat Khoo Kay Kim (1970/71), "Tahun-tahun 1920an dalam Sejarah Malaysia", *Jurnal Sejarah*, Jil. IX, Awang Had Salleh, Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974)

<sup>99</sup> Muhammad Yusuf Ahmad "Permulaan Kata", *Majalah Guru*, 1 November 1924.

Isi kandungan pada *Majalah Guru* bukanlah menjadi isu di dalam kajian penulis. Oleh sebab itu penulis hanya menyatakan secara umum sahaja bukan secara mendalam mengenai isi kandungan yang terdapat didalam majalah ini.

#### **4. MAJALAH GURU DAN KESEDARAN SEJARAH**

Mata pelajaran sejarah sememangnya telah diterima umum dalam dunia pendidikan sebagai satu mata pelajaran sosial. Dewasa kini, pengajaran mata pelajaran sejarah meliputi hampir semua peringkat pengajian sama ada sekolah rendah, menengah atau pusat pengajian tinggi. Pelajaran sejarah sebagai pendidikan asas untuk semua peringkat dan golongan adalah suatu kenyataan yang tidak boleh dinafikan lagi.

Umumnya, sebilangan besar daripada kita tidak mengetahui bahawa telah wujud mata pelajaran sejarah semasa perang dunia pertama lagi.<sup>100</sup> Walau bagaimanapun, pelajaran sejarah ini disebut mata pelajaran *Tawārikh* pada ketika itu. *Tawārikh* sebagai satu mata pelajaran, diasingkan daripada subjek kesusasteraan telah diperkenalkan pada tahun 1918 di Maktab Melayu Melaka, iaitu sebuah maktab perguruan yang bukan hanya mendahului Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjong Malim bahkan beberapa orang kelulusan Maktab Melayu Melaka adalah pensyarah yang amat berpengaruh di MPSI (atau lebih dikenali sebagai SITC pada awal penubuhannya).<sup>101</sup>

Pada tahun 1916, pemerintahan Inggeris telah melantik R.O Winstedt sebagai Penolong Pengarah Pelajaran yang bertugas untuk sekolah-sekolah. Beliau telah dihantar ke

---

<sup>100</sup> Umum mengetahui bahawa perang dunia pertama berlaku dari tahun 1914-1918. Pelajaran *Tawarikh* telah diperkenalkan pada tahun 1918 iaitu di Maktab Melayu Melaka. Lihat Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan: Satu Pembicaraan Pensejarahan Melayu*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1979), 11 dan juga Ramlah Adam, *Maktab Melayu Melaka 1900-1922*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991) , 19.

<sup>101</sup> Khoo Kay Kim & Ramlah Adam, *The Malay College Malacca*, (Kuala Lumpur: The New Straits Times Annual, 1977), 81-86.

Jawa dan Filipina untuk mengkaji sistem pelajaran rakyat dan dasar pelajaran kolonial. Beliau telah mengeluarkan satu laporan iaitu Laporan Dari Mr. R.O Winstedt Penolong Pengarah Pelajaran Negeri Selat dan di Hindia Timur Belanda iaitu beliau telah melaporkan bahawa dasar Belanda menggugurkan pelajaran sejarah dari jadual waktu sekolah-sekolah rendah hendaklah diikuti.<sup>102</sup>

Bagi Winstedt, mata pelajaran Sejarah terutamanya tentang orang Melayu dalam erti sejarah tempatan adalah merbahaya kerana baginya, sejarah tempatan yang dianggap sejarah oleh masyarakat Melayu sebenarnya hanyalah cerita dongeng. Beliau mengatakan lagi bahawa untuk mengajarkan sejarah Tanah Melayu masih tidak boleh dilakukan kerana buku-buku yang ada hanyalah bukti yang belum pasti. *Sejarah Melayu* dan *Hikayat Abdullah* merupakan buku yang dianggap Winstedt tidak sesuai digunakan di sekolah Melayu walaupun untuk pelajaran bahasa Melayu.<sup>103</sup> Walau bagaimanapun pada tahun 1927, *Sejarah Melayu* telah digunakan untuk mata pelajaran Sejarah di samping buku *Tawarikh Melayu*<sup>104</sup> tulisan R.O Winstedt sendiri.

Selain buku tulisan Winstedt, terdapat rujukan lain yang digunakan dalam proses pembelajaran sejarah. Berikut ialah rujukan yang digunakan:

- 1) *Papers On Malay Subjects*<sup>105</sup>
- 2) *Sejarah Alam Melayu (Jilid I-V)*<sup>106</sup>

---

<sup>102</sup> Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), 76-78.

<sup>103</sup> *Ibid.*, 78 dan lihat juga Siti Zainun Mat, "Kepentingan Pelajaran Sejarah Dalam Sistem Pendidikan di Malaysia" *Jurnal Sejarah*, Bil. 18 (1990), 10.

<sup>104</sup> Buku ini diterbitkan di Singapura.

<sup>105</sup> Ditulis oleh R.J Wilkinson. Antara tajuk-tajuk yang terdapat didalamnya ialah *The Proto Malay, The Early Peninsular Civilisation, The Coming of the Malays, The Malacca Sultanate, The Protuegese Ascendancy, The Dutch Ascendancy, Singapore, Johore and Muar, Early Perak History, Larut, The Perak War*. Lihat Khoo Kay Kim, "Penyelidikan, Penulisan dan Pengajaran Sejarah Tanah air untuk Memupuk Keperibadian Malaysia" (makalah, Kongres Kebudayaan Kebangsaan, Kuala Lumpur, 16-10 Ogos 1973), 139.



Sejarah juga diajar secara tidak langsung iaitu melalui buku-buku bacaan yang membincangkan tokoh-tokoh dalam sejarah dunia. Hanya dalam sukatan pelajaran di sekolah-sekolah dinegara ini, tokoh-tokoh itu biasanya terhad kepada mereka yang berkaitan dengan Alam Melayu seperti *Iskandar Zulkarnain*, *Kung Fu-Tze* dan *Stamford Raffles*, walaupun yang dipopularkan ialah kisah Yunani zaman purbakala iaitu *Hercules*, *Zeus*, *Achilles* dan banyak lagi.<sup>107</sup>

Menurut Khoo Kay Kim lagi, tujuan subjek Sejarah diajar pada masa itu adalah bertujuan politik, namun pentingnya mata pelajaran itu juga disebabkan oleh kehendak peperiksaan. Pada tahun 1981, buat pertama kali, pelajar di Tanah Melayu mengambil *Cambridge Local Examinations*.<sup>108</sup> Peperiksaan itu sebenarnya memberi kesan yang agak negatif kepada pembelajaran sejarah sehingga sekarang. Dimana pelajar yang mempelajari subjek Sejarah lebih mementingkan kehendak peperiksaan daripada keperluan untuk mereka memahami apa yang dipelajari.<sup>109</sup>

Terdapat jurang di antara murid-murid di sekolah Inggeris dengan murid-murid di sekolah Melayu iaitu dari sudut sukatan pelajaran Sejarahnya. Sekolah Inggeris, sukatan pelajaran Sejarah tidak memperkenalkan ‘Alam Melayu’ kepada murid-murid. Dalam Sejarah Tanah Melayu yang diajar, tokoh-tokoh yang banyak disebutkan termasuk Francis Light, Stamford Raffles, Hugh Low dan Frank Swettenham, manakala pembunuhan J.W.W

---

<sup>106</sup> Dimulakan oleh Cikgu Abdul Hassan dan kemudiannya disudahi oleh Buyong Adil. Awang Had Salleh, *Pelajaran dan Pengurusan Melayu di Malaya Zaman British*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), 76-78.

<sup>107</sup> Khoo Kay Kim, *Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 16.

<sup>108</sup> Sukatan mata pelajaran Sejarah bagi menghadapi peperiksaan tersebut diambil dari Cambridge.

<sup>109</sup> Khoo Kay Kim, *Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia*, (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 17.

Birch diutamakan untuk menunjukkan bahawa pembesar-pembesar Melayu yang sentiasa menganiayai rakyat jelata marah kerana Birch cuba ‘membersihkan’ Negeri Perak.<sup>110</sup>

Jika dilihat kepada sukatan pelajaran yang dinyatakan oleh Khoo Kay Kim, tidak terdapat di dalam sukatan pelajaran Sejarah pada tahun tersebut mengenai tokoh-tokoh Islam. Oleh sebab itu, penulis merasakan Za’ba cuba memperkenalkan kepada pelajar pada ketika itu dengan artikel yang dimuatkan di dalam *Bahagian Tawarikh*, bahawa Islam juga mempunyai tokoh-tokoh yang hebat yang perlu di ketengahkan dan ditonjolkan kepada pelajar.

Menurut Norsiah Sulaiman, mempelajari sajarah menurut pandangan Islam merupakan suatu yang amat penting terutama dalam hal-hal yang menyentuh tentang perilaku dan tindakan Rasulullah yang menunjukkan kepada kita tentang perjalanan hidupnya yang menjadi suri teladan kepada orang Islam.<sup>111</sup> Ini bersesuaian dengan maksud surah al-Ahzab yang berbunyi:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Surah al-Ahzab (33):21

*Terjemahan: Sesungguhnya Telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah.*

Kepentingan mempelajari Sejarah bukan sahaja untuk memperolehi ilmu pengetahuan tentang masa lampau juga untuk lulus dalam peperiksaan, tetapi yang lebih penting lagi ialah untuk menyebarkan pengetahuan lampau itu bagi dijadikan pedoman

<sup>110</sup> *Ibid* dan lihat juga Arba’iyah Mohd Noor, “Perkembangan Pendidikan Sejarah di Malaysia dari Zaman Tradisional ke Zaman Moden” (*Jurnal Sejarah*, no.17, 2009, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya).

<sup>111</sup> Norsiah Sulaiman, “Pentingnya Subjek Sejarah dan Tamadun Bangsa Sebagai Wasilah Pembentukan Sikap dan Jati Diri dalam Sistem Pendidikan Negara” (makalah, Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis, 2010), 84.

kepada generasi kini. Ternyata anggapan Sejarah sebagai mata pelajaran ‘*Dead Past*’<sup>112</sup> sudah tidak relevan dengan keadaan semasa.

Pendidikan Sejarah membolehkan pelajar memahami masyarakat lampau supaya mereka dapat meningkatkan kefahaman terhadap masyarakat masa kini. Tanpa sejarah, pelajar tidak akan mengetahui asal-usul mereka, malah mereka tidak dapat mengenal identiti mereka.

Menurut Muhd Yusof Ibrahim, kebanyakan isi kandungan yang termuat di dalam beberapa akhbar dan majalah Melayu yang lahir pada awal abad 20 merupakan penulisan yang berbentuk sejarah.<sup>113</sup> Daripada pernyataan beliau ini, penulis melihat bahawa sudah ada kesedaran masyarakat Melayu terhadap sejarah iaitu persepsi masyarakat terhadap kebaikan dan tauladan yang dapat dijadikan ikhtibar bagi masyarakat Melayu pada ketika itu.

Penulis juga berpendapat bahawa sebenarnya kesedaran ini wujud pada golongan intelegensia Melayu pada ketika itu terutamanya golongan guru yang dianggap sebagai golongan yang berpelajaran tinggi dan dihormati. Daripada kesedaran yang wujud dalam diri golongan intelegensia ini, maka penulisan mereka dijadikan alat sebagai pemberi kesedaran kepada masyarakat Melayu pada awal abad 20an itu. Penulisan sejarah didalam akhbar dan majalah kebanyakannya menyentuh tentang sejarah yang berunsurkan Islam, masyarakat Melayu, atau contoh negara yang maju. Kebanyakan penulisan ini mempunyai

---

<sup>112</sup> Chaffer & Taylor, *History & History Teacher*, (London:George Allen Ltd, 1975), 48.

<sup>113</sup> Muhd Yusof Ibrahim “Akhbar dan Majalah ditinjau dari Sudut Pensejarahan Melayu”, (Kertas Kerja Seminar Akhbar dan Majalah, 25-26 Jun, Bangi,1988) ,1.

ruangan yang tersendiri yang dipanggil ‘*al-tārikh*’, ‘*Tawārikh*’, ‘Perkhabaran’, ‘Sejarah’ dan ‘Riwayat’.<sup>114</sup>

*Majalah Guru* ini juga terdapat pernyataan yang menunjukkan bahawa harapan penulisan sejarah yang terdapat di dalam ruangan ‘*Tawārikh*’ akan dijadikan teladan dan ikhtibar oleh masyarakat Melayu khususnya. Ianya telah dinyatakan lagi didalam terbitan pertama majalah ini iaitu:

“...dan berbagai-bagailah pula cerita dan tarikh orang-orang yang termasyur supaya menjadi ikutan dan teladan...”<sup>115</sup>

Ini menunjukkan bahawa matlamat dan tujuan para penulis didalam ruangan ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu pada ketika itu yang leka dan degil.

Menurut Muhd. Yusof Ibrahim (2009) lagi, kesedaran sejarah itu didorong oleh kepentingan keagamaan, kepercayaan atau peribadi. Ini bermaksud bahawa, ianya didorong atau dirangsang oleh keperluan.<sup>116</sup> Menurut Herbert Butterfield (1981), kemunculan minat atau kesedaran terhadap sejarah sebagai masa lalu itu hanya boleh berlaku seiring dengan perkembangan keseluruhan sikap manusia.<sup>117</sup> Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan dengan tepat masyarakat atau peradaban manakah yang mula-mula telah mengwujudkan atau menampakkan kesedaran sejarah. Namun begitu, terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa kesedaran itu muncul apabila wujudnya tulisan.<sup>118</sup>

---

<sup>114</sup> Cahaya Pulau Pinang mempunyai ruangan ‘perkhabaran’, al-Imam dalam ruangan ‘*al-tārikh al-Islāmi*’, Pengasoh mempunyai bahagian ‘*tarikh*’, *Majalah Guru* dan Cenderamata mempunyai ruangan dengan tajuk yang sama iaitu ‘*tawārikh*’, Majlis menggunakan istilah ‘riwayat’. Kesemua akhbar dan majalah ini kebanyakannya masih lagi disimpan rapi oleh Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta.

<sup>115</sup> *Majalah Guru*, 1 November 1924, 2

<sup>116</sup> Muhd. Yusof Ibrahim, *Ilmu Sejarah, Falsafah, Pengertian dan Kaedah*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009), 4.

<sup>117</sup> Herbert Butterfield, *The Origins of History*, (London: Eyre Muthuen Ltd, 1981), 14-15.

<sup>118</sup> Agnes Heller, *A Theory of History*, (London: Routledge & Kegan Paul, 1982), 8.

Kandungan pensejarahan yang terdapat di dalam *Majalah Guru* dapat penulis bahagikan mengikut tema pada bab yang ke-4. Oleh yang demikian, untuk bab yang ke-3 ini, penulis akan menyenaraikan ruangan *Tawārikh* mengikut keluaran tahun yang dikeluarkan bagi menunjukkan kekerapan penulisan sejarahnya.

## **5. BAHAGIAN TAWĀRIKH (1924-1929)**

*Bahagian Tawārikh* merupakan satu usaha yang baru dalam perkembangan pensejarahan di Tanah Melayu pada zaman itu. Kebanyakan penulisan adalah berkisar kepada “*Tawārikh orang Islam yang Masyhur*” iaitu sumbangan rencana daripada Za’ba yang sama dengan penulisan Syed Sheikh Al-Hadi iaitu rakan karib Za’ba yang telah memulakannya pada tahun 1922.<sup>119</sup>

Walaupun konsep sejarahnya bersifat tradisional iaitu menurut Adnan Hj. Nawang,<sup>120</sup> akan tetapi bagi penulis maklumat yang terkandung dalamnya penting kerana pengetahuan sejarah bagi masyarakat Melayu yang kurang. Ini mungkin satu strategi Za’ba bagi mendekati para pembaca, khususnya golongan pelajar dan guru Melayu kepada sejarah keagungan Islam.

*Majalah Guru* telah memperuntukan satu ruangan khusus untuk dimuatkan rencana-rencana berbentuk sejarah. Ruangan itu dinamakan *Bahagian Tawarikh* atau *Bahagian Tarikh*. Selama 5 tahun penerbitannya, hampir setiap pengeluaran *Majalah Guru* telah memuatkan berbagai rencana yang berbentuk sejarah. Malangnya bermula pada Februari 1930- Februari 1933, tiada lagi ruangan khusus untuk sejarah dan dalam tempoh tersebut

---

<sup>119</sup> Lihat Syed Sheikh Al-Hadi (1922) *Al-Tarikh Al-Islam*, Pulau Pinang. Menurut Adnan Hj Nawang, Zaba turut memiliki buku tersebut dan bagi pendapatnya buku tersebut dijadikan model bagi penulisan di dalam ruangan *Tawārikh* di dalam *Majalah Guru*

<sup>120</sup> Beliau menyatakan ianya bersifat tradisional kerana penggunaan istilah *Tawārikh* yang terbentuk daripada kata dasar tarikh. Perubahan konsep *Tawārikh* ke sejarah hanya berlaku selepas Perang Dunia Ke-II. Lihat Khoo Kay Kim, *Panji-panji Gemerlapan Satu Perbicaraan Pensejarahan Melayu*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1979) ,15-18.

hanya terdapat sebelas keluaran yang menyiarkan rencana sejarah secara bersiri di bawah dua tajuk utama iaitu ‘Sungai Ujong’ yang dipetik dan diterjemahkan oleh Dr. Mohd Said dari jurnal no.83, *Straits Branch Royal Asiatic Society* dan ‘Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor’ yang dipetik dari Warta Malaya. Rencana sejarah ini telah disiarkan secara sewenang-wenangnya tanpa ditanda dengan sebarang petunjuk bahawa itu adalah rencana sejarah. Paling menyedihkan sepanjang tahun 1930, tiada langsung disiarkan rencana yg berbentuk sejarah.<sup>121</sup>

Kemudian antara Februari 1933 – Disember 1937, *Bahagian Tawārikh* telah diwujudkan kembali walaupun secara tidak tetap. Sepanjang tempoh tersebut, beberapa buah rencana telah disiarkan dalam beberapa buah keluaran tertentu. Ada rencana yang telah diletakkan dalam *Bahagian Tawārikh* dan ada yang disiarkan secara sewenang-wenangnya. Antara rencana yang terdapat dalam tempoh ini ialah ‘Rembau’, ‘Kemajuan Orang-Orang Arab Dan Mesir Dahulukala’, ‘Masalah Kerajaan Belanda Di Gugusan Pulau-Pulau Melayu’. Seterusnya bermula pada Januari 1938, *Bahagian Tawārikh* diwujudkan kembali dengan menyiarkan rencana yang bertajuk ‘Orang Barat Dengan Pelayarannya’ yang dipetik daripada *Romance of Empire* oleh Hamim. Hal ini berterusan hingga Mac 1940, dan dalam tempoh ini rencana sejarah yang paling popular ialah ‘Pergerakan Islam’ yang telah disiarkan sebanyak 9 siri, diikuti oleh rencana yang bertajuk ‘Perompak Lanun Di Alam Melayu’ yang disiarkan sebanyak 3 siri. Selepas itu *Bahagian Tawārikh* telah dihentikan sekali lagi.<sup>122</sup>

---

<sup>121</sup> Nor Afzan Mat Salleh “Kajian Rencana-rencana Berbentuk Sejarah dalam Majalah Guru Tahun 1924-1941”, (Kertas Projek, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988), 22.

<sup>122</sup> *Ibid*

Keadaan *Majalah Guru* yang tidak tetap pendiriannya dalam menyiarkan rencana-rencana berbentuk sejarah antara tahun 1924 sehingga akhir 1940 telah menarik perhatian seorang pembaca *Majalah Guru* yang menamakan dirinya Yusof Arshad dari Negeri Sembilan. Pembaca ini telah menghantar surat kepada sidang pengarang *Majalah Guru* dan mengesyorkan supaya 'Bahagian Tawārikh' kembali diadakan sebagaimana yang telah dilakukan pada tahun-tahun sebelum ini. Menurutnyanya:

“...*Sungguhpun ada tawarikh-tawarikh itu dijadikan buku-buku, tetapi bagi yang tak (sic.) mampu membeli buku, saya fikir lebih elok dan tak (sic.) mengapa salahnya, kalau kita khaskan sebahagian di dalam Majalah Guru ini kerana tawarikh, apa lagi bagi murid-murid yang tak mengerti bahasa lain selain daripada Bahasa Melayu seperti saya ini, pada hal tawarikh banyak agaknya di dalam bahasa lain (arab, inggeris dan lain-lain)...*”<sup>123</sup>

Berikut merupakan tajuk-tajuk yang terdapat diruangan *Bahagian Tawārikh* di dalam *Majalah Guru* yang belum di bahagikan mengikut tema-tema penulisan tetapi hanya mengikut urutan pengeluaran mengikut tahun. Penyenaaraian ini hanya dibataskan pada dekad 20'an sahaja memandangkan pengkajian penulis hanya untuk tempoh penerbitan *Majalah Guru* pada tahun 1924-1929.

**a) Tahun 1924**<sup>124</sup>

Bil.	Tarikh	Tajuk	Penulis	Hlm.
1.	1 Nov	Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris	Mohd Yusuf Bin Ahmad	12-13
2.	1 Dis	Tarikh Negeri-negeri Melayu Takluk Inggeris	Mohd Yusuf Bin Ahmad	32-33

<sup>123</sup> Yusof Arshad, Surat Kiriman, *Majalah Guru*, 1 Februari 1941, 86.

<sup>124</sup> Pada tahun 1924 ini, sebenarnya tiada ruangan yang dikhususkan untuk penulisan sejarah seperti tahun yang berikutnya (Ruangan *Tawārikh*).

b) **Tahun 1925**

Bil.	Tarikh	Tajuk	Penulis	Hlm.
1.	1 Jan	Tarikh Manusia	Za'ba	15-18
2.	1 Feb	Ruangan Cerita Negeri-negeri Melayu <sup>125</sup>	Muhd Yusuf Bin Ahmad	18-19
3.	1 Mac	Ringkasan Tarikh Beberapa Orang Dahulu Kala yang Kenamaan Pada Medan Fikiran dan Layanannya	Za'ba	47-50
4.	1 Apr	<i>Tawārikh</i> Bangsa Melayu (Kedatangan Orang-orang Melayu Sumatera)	Za'ba	73-75
5.	1 Mei	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur	Za'ba	92-95
6.	1 Jun	Tarikh Bangsa Melayu (Melaka dengan Ugama Islam)	Za'ba	110-113
7.	1 Jul	Tarikh Hidup Setengah daripada Orang-orang Islam	Za'ba	125-129
8.	1 Ogos	Tarikh Bangsa Melayu (Kedatangan Orang Portugis)	Za'ba	151-153
9.	1 Sept	Tarikh Hidup Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur	Za'ba	169-171
10.	1 Okt	Tarikh Bangsa Melayu (Kekuasaan Belanda Pula Naik)	Za'ba	187-189
11.	1 Nov	Tarikh Hidup Setengah Daripada Orang Islam yang Masyur	Za'ba	207-210
12.	1 Dis	Tarikh Bangsa Melayu (Kuasa British dalam Negeri-negeri Selat)	Za'ba	227-229

c) **Tahun 1926**

Bil.	Tarikh	Tajuk	Penulis	Hlm.
1.	1 Jan	Tarikh Bangsa Melayu	Za'ba	12-15
2.	1 Feb	Tarikh Bangsa Melayu (Perhubungan British dengan Negeri-negeri Melayu)	Za'ba	27-30
3.	1 Mac	Setengah daripada Orang-orang Islam Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	47-49
4.	1 Apr	Tarikh Bangsa Melayu	Za'ba	66-69
5.	1 Mei	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	89-92
6.	1 Jun	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-	Za'ba	106-110

<sup>125</sup> Keluaran Bulan Februari juga, tiada ruangan *Tawārikh*, lihat *Majalah Guru* (1925), 1 Februari, Tahun ke-2, Bil. 2



		ulamak Usul)		
7.	1 Jul	Tawarikh Tanah Melayu (Bangsa Asli dan Melayu)	Za'ba	125-127
8.	1 Ogos-Sept <sup>126</sup>	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul) dan Tawarikh Tanah Melayu (Bangsa Asli dan Melayu)	Za'ba	146-152
9.	1 Okt	Tawarikh Tanah Melayu (Bangsa-bangsa Asli dan Melayu)	Za'ba	185-189
10.	1 Nov	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	208-210
11.	1 Dis	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	226-229

**d) Tahun 1927**

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Penulis</b>	<b>Hlm.</b>
1.	1 Jan	Bekas Lama-lama di Tanah Melayu	Za'ba	6-9
2.	1 Feb	Bekas Lama-lama di Tanah Melayu	Za'ba	26-29
3.	1 Mac	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	50-51
4.	1 Apr	Tawarikh Negeri Melayu Masing-masing	Za'ba	68-71
5.	1 Mei	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	86-91
6.	1 Jun	Tawarikh Negeri Melayu Masing-masing	Za'ba	105-108
7.	1 Jul	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	128-131
8.	1 Ogos	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	143-146
9.	1 Sept	-	-	-
10.	1 Okt	Orang-orang yang Masyur-masyur di Tanah Melayu	Za'ba	187-190

<sup>126</sup> Pada keluaran ini digabungkan sekali untuk bulan Ogos hingga September dengan harga 50sen berbanding dengan keluaran satu bulan iaitu 40sen.

11.	1 Nov	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	206-208
12.	1 Dis	Orang-orang Masyur Tanah Melayu	Za'ba	227-230

e) **Tahun 1928**

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Penulis</b>	<b>Hlm.</b>
1.	1 Jan	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	6-10
2.	1 Feb	Tarikh Dunia yang Ringkas	Adam b Haji Ibrahim	31-32
3.	1 Mac	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	43-47
4.	1 Apr	Orang-orang Masyur Tanah Melayu	Za'ba	75-77
5.	1 Mei	Orang-orang Masyur Tanah Melayu	Za'ba	86-87
6.	1 Jun	Orang-orang Masyur Tanah Melayu	Za'ba	104-105
7.	1 Jul	Negeri Sembilan Asli	Komar	125-126
8.	1 Ogos	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	145-147
9.	1 Sept	Nama-nama Masyur yang Selalu Tersebut dalam Kitab-kitab Tarikh Melayu	Za'ba	169-171
10.	1 Okt	Nama-nama Masyur yang Selalu Tersebut dalam Kitab-kitab Tarikh Melayu	Za'ba	184-187
11.	1 Nov	Nama-nama Masyur yang Selalu Tersebut dalam Kitab-kitab Tarikh Melayu	Za'ba	205-207
12.	1 Dis <sup>127</sup>	-	-	-

<sup>127</sup> Pada keluaran ini tiada ruangan *Tawārikh* akan tetapi terdapat penulisan mengenai negara-negara yang maju seperti Jepun dan Eropah.

f) **Tahun 1929**

Bil.	Tarikh	Tajuk	Penulis	Hlm.
1.	1 Jan	Nama-nama Masyur yang Kerap Tersebut dalam Hikyat-hikayat Melayu	Za'ba	12-14
2.	1 Feb	Nama-nama Masyur yang Kerap Tersebut dalam Hikyat-hikayat Melayu	Za'ba	30-32
3.	1 Mac	Sedikit Riwayat Negeri Aceh	Za'ba	57-58
4.	1 Apr	Nama-nama Masyur yang Kerap Tersebut dalam Hikyat-hikayat Melayu	Za'ba	65-68
5.	1 Mei	-	-	-
6.	1 Jun	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	115-117
7.	1 Jul	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Z'ba	133-136
8.	1 Ogos	-	-	-
9.	1 Sept	-	-	-
10.	1 Okt	Setengah daripada Orang-orang Islam yang Masyur (Ulamak-ulamak Usul)	Za'ba	192-195
11.	1 Nov	Riwayat Buddha <sup>128</sup>	Za'ba	210-211
12.	1 Dis	<i>Tawārikh</i> Hidup Confucius <sup>129</sup>	Za'ba	223-225

## 6. KESIMPULAN

Penerbitan *Majalah Guru* ini telah memberi kesan kepada masyarakat Melayu khususnya, bukan sahaja dari aspek pendidikan, malah dari aspek ekonomi, semangat nasionalisme dan sebagainya. Kemunculan majalah ini memainkan peranan guru-guru Melayu sebagai golongan yang berpengaruh pada dekad 20'an itu. Daripada wujudnya maktab-maktab perguruan sehinggalah tertubuhnya Persekutuan Guru-guru Melayu.

Oleh yang demikian, para guru ini telah menghasilkan suatu penulisan di dalam *Majalah Guru* yang dapat menyuntik semangat masyarakat Melayu. Ini bermaksud segala penulisan yang terdapat di dalam majalah ini bukanlah sia-sia. Ini termasuk jugalah dengan

<sup>128</sup> Tajuk tersebut tidak termasuk di dalam pengkajian penulis. Ianya sekadar senarai untuk menjelaskan tajuk-tajuk yang terdapat dalam *Bahagian Tawarikh*.

<sup>129</sup> Pernyataan sama seperti di atas.

*Bahagian Tawārikh*. Penulisan sejarahnya menyentuh segala aspek, iaitu tokoh-tokoh Islam, sejarah Melayu, budaya dan ekonomi.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai *Bahagian Tawarikh* ini, bab seterusnya akan membincangkan dan menganalisis ruangan ini dengan menyentuh mengenai tema, kekerapan, sumber, penulis dan kemudiannya analisis secara silang akan dilakukan untuk mengetahui perkaitan perkara di atas sehingga pemilihan artikel dibuat untuk penerbitan dalam *Majalah Guru*.